

BAB II: LATAR BELAKANG PAS

Pengenalan

Di dalam bab ini, kita akan membincangkan latar belakang PAS dari tahun 1951 ke tahun 1982, di mana perbincangan kita akan menyentuh tentang perkembangan yang telah berlaku ke atas nama, *raison d'être*, dasar, (sumber) hukum dan kekuasaan, pingat/lambang, bendera, seruan/cogan kata serta tujuan dan usaha PAS; struktur keahlian PAS; struktur kepimpinan PAS; struktur organisasi PAS; struktur dewan PAS dan struktur mesyuarat agung PAS di dalam jangka masa ini dengan berpandukan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam lima buah perlembagaan yang telah digunakan oleh PAS di dalam jangka masa ini, iaitu Perlembagaan PAS 1951, Perlembagaan PAS 1954, Perlembagaan PAS 1963, Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977, tetapi juga dengan berpandukan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam draf asal Perlembagaan PAS 1951¹ yang telah dirangka oleh sebuah jawatankuasa kecil yang telah ditubuhkan oleh Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-2 pada 23 Ogos 1951² dan yang telah dikemukakan olehnya di dalam Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 pada 24 November 1951.³

Perlembagaan PAS 1951⁴ merupakan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 pada 24 November 1951, di mana salah

¹ Draft asal Perlembagaan PAS 1951 ini adalah dikenali dengan nama (Cadangan) Undang-Undang Tubuh PAS 1951.

² Safie Ibrahim (1981). The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology. Pasir Puteh: Nuawi Ismail. Hlm. 18-19.

³ Ibid. Hlm. 18-19.

satu daripada fasal-fasalnya memperuntukkan bahawa "kuat kuasa (perlembagaan) ini hendaklah berjalan mulai dari tarikh (perlembagaan) ini disahkan dan segala perbuatan dan pekerjaan yang berkait dengan persatuan ini yang dilakukan oleh jemaah penaja yang telah dilantik di dalam (Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-2) pada 23 Ogos 1951 di Kuala Lumpur pada masa sebelum berjalan kuat kuasa (perlembagaan) ini adalah disifatkan sah",⁵ tetapi perlembagaan ini tidak pernah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaya. Perlembagaan PAS 1954⁶ pula merupakan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954,⁷ di mana salah satu daripada fasal-fasalnya memperuntukkan bahawa "(Perlembagaan) PAS ini adalah berjalan kuat kuasa(nya) (mulai) dari (tarikh) 14 Ogos 1954 dengan syarat segala perbuatan atau pekerjaan yang telah diambil atau diperbuat oleh Majlis Mesyuarat Agung ini atau oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS atau Yang Dipertua Agung atau Setiausaha Agung atau siapa-siapa pun Pegawai PAS terlebih dahulu daripada persidangan mesyuarat ini tiadalah menjadi terbatal dengan sebab hanya kerana perbuatan dan pekerjaan itu tiada sesuai atau (tiada) mengikut kehendak-kehendak dan syarat-syarat (perlembagaan) ini",⁸ dan yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaya pada 31 Mei 1955.⁹ Sementara Perlembagaan PAS 1963¹⁰ merupakan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS

⁴ Perlembagaan PAS 1951 ini adalah dikenali dengan nama Undang-Undang Tubuh PAS 1951.

⁵ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 23.

⁶ Perlembagaan PAS 1954 ini adalah dikenali dengan nama Undang-Undang Tubuh PAS 1954.

⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 6-9.

⁸ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 46(1).

⁹ Surat Pemangku Setiausaha Agung PAS, Muhammad Hashim, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Daerah dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 9 Jun 1955 bertajuk "Sijil Pendaftaran Persatuan Islam Se-Malaya". Hlm. 2; dan Perlembagaan PAS 1954. Hlm. 133.

¹⁰ Perlembagaan PAS 1963 ini adalah dikenali dengan nama Undang-Undang Tubuh PAS 1963.

Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963¹¹ dan yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaya pada 25 Jun 1963,¹² Perlembagaan PAS 1973 pula merupakan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971,¹³ tetapi yang telah kemudiannya terpaksa dipinda oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972,¹⁴ dan yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 24 Februari 1973¹⁵ manakala Perlembagaan PAS 1977 merupakan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976¹⁶ dan yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 21 Jun 1977.¹⁷

¹¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963. Hlm. 12-13.

¹² Kertas kerja Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 19 April 1968 bertajuk "Bendera, Lambang Atau Lencana PAS". Hlm. 1.

¹³ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971. Hlm. 32-37. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 ini juga telah bersetuju untuk menukar nama Undang-Undang Tubuh PAS kepada Perlembagaan PAS (Ibid. Hlm. 37; dan Kertas kerja Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertajuk "Kertas Kerja 8/71: Rang Pindaan (Perlembagaan) PAS Untuk Majlis Mesyuarat Agung (Tahunan) PAS (Kali) Ke-17 Di Kuala Lumpur Pada 18, 19 Dan 20 Jun 1971" (tidak bertarikh). Hlm. 39).

¹⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 12-14.

¹⁵ "Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 2 Thn. 1, Februari 1973. Hlm. 9; Surat Setiausaha Kerja PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, Setiausaha-Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri, Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Pemuda dan Muslimat PAS Negeri dan Setiausaha-Setiausaha PAS Kawasan bertarikh 5 Mac 1973 bertajuk "Penundaan Mesyuarat Agung Tahunan PAS (Kali) Ke-19 Dan Perlembagaan Baru PAS". Hlm. 1; dan Perlembagaan PAS 1977. Hlm. iii.

¹⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976. Hlm. 66-71.

Nama, Raison D'etre, Dasar, (Sumber) Hukum Dan Kekuasaan, Pingat/Lambang,
Bendera, Seruan/Cogan Kata Serta Tujuan Dan Usaha PAS

Nama PAS

Dari segi nama PAS, draf asal Perlembagaan PAS 1951 memperuntukkan bahawa nama PAS ialah "Pertubuhan Ulama' Se-Malaya"¹⁸ tetapi nama ini telah dipinda menjadi "Persatuan Islam Se-Malaya" oleh Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 pada 24 November 1951¹⁹ yang walau bagaimanapun telah tidak memperuntukkan sebarang sebutan ringkas kepadanya.²⁰ Sebutan ringkas PAS kepada nama "Persatuan Islam Se-Malaya" ini hanya dibuat oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953 di atas cadangan wakil Hilir Perak²¹ dan dikekalkan oleh perlembagaan-perlembagaan PAS yang seterusnya²² walaupun nama penuh PAS sendiri ditukar sebanyak dua kali. Penukaran kali pertama nama penuh PAS, iaitu daripada "Persatuan Islam Se-Malaya" kepada "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu",²³ telah dibuat

¹⁷ Perlembagaan PAS 1977. Hlm. i; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri-Negeri bertarikh 26 Jun 1977 bertajuk "Perlembagaan Baru PAS". Hlm. 1.

¹⁸ Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 1.

¹⁹ Draft asal Perlembagaan PAS 1951 merujuk PAS sebagai sebuah "pertubuhan" (Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 1) manakala Perlembagaan PAS 1951, Perlembagaan PAS 1954 dan Perlembagaan PAS 1963 merujukkannya sebagai sebuah "persatuan" (Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 1; Perlembagaan PAS 1954. Fasal 1; dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 1). Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977 kemudiannya kembali merujuk PAS sebagai sebuah "pertubuhan" (Perlembagaan PAS 1973. Fasal 1; dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 1).

²⁰ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 1.

²¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 5.

²² Perlembagaan PAS 1954. Fasal 1; Perlembagaan PAS 1963. Fasal 1; Perlembagaan PAS 1973. Fasal 1; dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 1.

²³ Di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955, wakil Kota Bharu telah mencadangkan bahawa, "(di)sebab(kan) kebangsaan yang dipersetujui oleh PAS ialah 'Melayu', bukan 'Malaya', maka sudah seeloknya (PAS) dinamakan 'Persatuan Islam Semenanjung'".

oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 pada 25, 26 dan 27 Disember 1958 di atas cadangan Zulkiflee Muhammad yang, mewakili Jawatankuasa Kerja Agung PAS, menghujahkan bahawa "perkataan Malaya itu ialah nama yang ditimbulkan oleh penjajah, maka dengan lenyapnya penjajah dalam negeri ini sudah pada tempatnyalah nama Malaya itu dikikis dari nama persatuan kita ini sesuai dengan dasar (parti) kita (untuk) mengembalikan Tanah Melayu ini kepada hak dan kepunyaan bangsa Melayu".²⁴

Penukaran nama penuh PAS kepada "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu" ini diikuti pula oleh tindakan Jawatankuasa Kerja Agung PAS, di dalam mesyuaratnya pada 25 Januari 1959, memutuskan bahawa nama PAS dalam bahasa Inggerisnya ialah "*Islamic Party of Tanah Melayu*" dan bukannya "*Pan Malayan Islamic Party*".²⁵ Nama "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu" ini walau bagaimanapun telah, di atas cadangan Mohd Asri Muda, diputus untuk ditukarkan kepada "Parti Islam" oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971,²⁶ tetapi cadangan nama ini telah

Cadangan yang memperolehi sokongan daripada wakil Gunung Semanggol--tetapi yang dibangkang oleh wakil Bagan Tiang yang disokong pula oleh wakil Johor Bharu--ini walau bagaimanapun telah dikalahkan apabila ia hanya memperolehi 9 undi menyokong berbanding 36 undi membangkang (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm 8).

²⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 pada 25, 26 dan 27 Disember 1958. Hlm. 11. Nama "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu" ini telah dipilih setelah ia, yang memperolehi 52 undi, mengalahkan satu nama lain yang dicadangkan oleh wakil Tanjung Karang, iaitu "Persatuan Islam Seluruh Tanah Melayu", yang hanya memperolehi 24 undi. Penggunaan nama "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu" ini telah kemudiannya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaya pada 12 Mei 1959 (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pemangku Ketua Perangkawan Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 4 Januari 1963 (tidak bertajuk). Hlm. 3).

²⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Januari 1959. Hlm. 1.

²⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971. Hlm. 30-32. Mohd Asri Muda merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan PAS 1971 yang turut dianggotai oleh Hasan Adli Arshad, Abu Bakar Hamzah, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Khaidir Khatib (Penyata Tahunan PAS 1971/1972. Hlm. 4). Cadangan asal untuk meniadakan frasa "Se-Tanah Melayu" di dalam nama PAS ini walau bagaimanapun adalah lahir daripada kertas kerja Hasan Adli Arshad yang telah, setelah menjelaskan bahawa "oleh kerana UMNO telah mengambil semula jalan condong kepada Melayuisme, maka...kita harus mengambil jalan mutlak dengan landasan Islamisme" dan setelah mencadangkan supaya "hendaklah dibuang sahaja semua perkataan Melayu, Tanah Melayu, bumiputera, kebudayaan teras Melayu dan lain-lain", mencadangkan supaya PAS hendaklah dikenali dengan nama "Persatuan Islam" ataupun sekurang-kurangnya dengan nama "Persatuan Islam Se-Tanah

ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.²⁷ Ekoran penolakan ini, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 telah meluluskan pula nama "Parti Islam Se-Malaysia" sebagai nama baru PAS²⁸ setelah ia mengalahkan dua cadangan nama lain, iaitu "Parti Islam Malaysia" dan "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu".²⁹

Raison D'etre PAS

Draf asal Perlembagaan PAS 1951, Perlembagaan PAS 1951 dan Perlembagaan PAS 1954 tidak mempunyai sebarang ruangan muqaddimah (*preamble*) yang biasanya merupakan penegasan kepada *raison d'etre* sesebuah parti politik. Ruangan ini hanya diwujudkan di dalam Perlembagaan PAS 1963 yang mengisytiharkan bahawa penubuhan PAS adalah dibuat "bagi menyempurnakan ikhtiar-ikhtiar dan langkah-langkah dengan tujuan menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam di negeri ini dan untuk terus memperjuangkan cita-cita Islam di dalam masyarakat dan urusan negara ini", frasa yang di dalam Perlembagaan PAS 1954 sebelumnya diletakkan di bawah fasal tujuan PAS.³⁰

Air" sahaja (Kertas kerja Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 14 Mei 1971 bertajuk "Syor-Syor Pindaan (Perlembagaan) PAS". Hlm. 1).

²⁷ Surat Pemangku Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Kassim Mohd Amin, kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 4 Ogos 1971 bertajuk "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu". Hlm. 1.

²⁸ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat pada 30 Ogos 1965 telah meluluskan sebuah memorandum yang di antara lainnya mendesak Jawatankuasa Kerja Agung PAS "(meng)kaji semula beberapa perkara dari (Perlembagaan) PAS, terutama namanya, setelah Malaysia wujud dan diakui" (Surat Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Yunus Yatimi, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 10 September 1965 bertajuk "Memorandum Dewan Pemuda PAS Pusat". Hlm. 2), tetapi desakan ini telah tidak dihiraukan oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS.

²⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 12-13. Di dalam pengundian pertama, cadangan nama "Parti Islam Se-Malaysia" memperoleh 190 undi berbanding 8 undi yang diperolehi oleh cadangan nama "Parti Islam Malaysia" manakala di dalam pengundian kedua, cadangan nama "Parti Islam Se-Malaysia" memperoleh 141 undi berbanding 26 undi yang diperolehi oleh cadangan nama "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu".

³⁰ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 2(1) dan Fasal 2(2); dan Perlembagaan PAS 1963. Muqaddimah.

Ruangan muqaddimah (*preamble*) ini terus diwujudkan di dalam Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977 yang walau bagaimanapun telah mengubah terus kandungannya di mana kedua-dua perlembagaan ini telah kali ini mengisytiharkan pula bahawa penubuhan PAS adalah dibuat "demi untuk menyempurnakan taqwa kepada Allah dan kebaktian kepada sesama manusia yang dijadikan bagi menegakkan *al-amru bil-ma'ruf wan-nahyu anil munkar* dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara".³¹

Dasar PAS

Draf asal Perlembagaan PAS 1951, Perlembagaan PAS 1951, Perlembagaan PAS 1954 dan Perlembagaan PAS 1963 tidak mempunyai sebarang peruntukan tentang dasar PAS. Peruntukan tentang dasar PAS ini hanya diwujudkan di dalam Perlembagaan PAS 1973 yang mengisytiharkan di dalam satu fasalnya bahawa "dasar PAS ialah Islam".³²

Peruntukan tentang dasar PAS ini terus diwujudkan di dalam Perlembagaan PAS 1977 yang mengisytiharkan di dalam satu fasalnya bahawa "dasar PAS ialah Islam".³³

(Sumber) Hukum Dan Kekuasaan PAS

Draf asal Perlembagaan PAS 1951 dan Perlembagaan PAS 1951 tidak mempunyai sebarang peruntukan tentang (sumber) hukum dan kekuasaan PAS. Peruntukan tentang (sumber) hukum dan kekuasaan PAS ini hanya diwujudkan di dalam Perlembagaan PAS 1954 yang mengisytiharkan di dalam satu fasalnya bahawa "hukum

³¹ Perlembagaan PAS 1973. Muqaddimah; dan Perlembagaan PAS 1977. Muqaddimah.

³² Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(1).

yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah Kitab Allah dan Sunnah Rasul serta Ijma' Ulama' yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum-hukum yang tertinggi itu adalah kekuasaan PAS dipegang oleh Majlis Mesyuarat Agung³⁴ (dan) dengan tertakluk kepada hukum-hukum (ini), segala pekerjaan dan pentadbiran PAS itu adalah dijalankan di bawah perintah dan kekuasaan Majlis Mesyuarat Agung...".³⁵

Peruntukan tentang (sumber) hukum dan kekuasaan PAS ini terus diwujudkan di dalam Perlembagaan PAS 1963, Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977, tetapi--bermula dari Perlembagaan PAS 1963--dengan ditambah frasa "dan Qias" di belakang frasa "Kitab Allah dan Sunnah Rasul serta Ijma' Ulama'" di dalamnya.³⁶

Pingat/Lambang PAS

Draf asal Perlembagaan PAS 1951 dan Perlembagaan PAS 1951 mempunyai satu fasal khusus yang memperuntukkan bahawa PAS "hendaklah mempunyai pingat sebagai tanda menjadi ahli(nya)" tetapi kedua-dua perlembagaan ini tidak menentukan rupa dan corak pingat itu dan hanya menyerahkan perkara ini kepada Jawatankuasa Kerja PAS.³⁷

³³ Perlembagaan PAS 1977. Fasal 3.

³⁴ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 4(1)(a).

³⁵ Ibid. Fasal 4(1)(b).

³⁶ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 4(1)(a) dan Fasal 4(1)(b); Perlembagaan PAS 1973. Fasal 3(1) dan Fasal 3(2); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 7(1) dan Fasal 7(2). Fasal 7(1) Perlembagaan PAS 1977 walau bagaimanapun telah menggantikan perkataan "Majlis Mesyuarat Agung" dengan perkataan "Muktamar Tahunan" manakala Fasal 7(2) Perlembagaan PAS 1977 juga telah turut menggantikan frasa "segala pekerjaan dan pentadbiran PAS" dengan frasa "segala gerakan dan pentadbiran PAS".

³⁷ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 16; dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 19.

Perlembagaan PAS 1954 dan Perlembagaan PAS 1963 walau bagaimanapun mempunyai satu fasal khusus yang memperuntukkan bahawa "PAS hendaklah mengadakan satu pingat tanda menjadi ahli PAS"³⁸ di mana bentuk pingat itu ialah bulat sebesar wang syiling dua puluh sen, sebelah atas(nya) berwarna merah dan sebelah bawah(nya) berwarna putih,³⁹ (dengan) di atas warna merah bertulis kalimah "Allah Muhammad" dan di atas warna putih bertulis kalimah "PAS" dan (kalimah) "1951".⁴⁰

Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977 pula tidak mempunyai sebarang peruntukan tentang pingat PAS ini, tetapi ia sebaliknya mempunyai satu fasal khusus, yang tidak dipunyai oleh perlembagaan-perlembagaan sebelumnya, yang memperuntukkan bahawa "lambang PAS untuk pilihan raya ialah bulatan putih dengan berlatar belakang warna hijau, dan dalam keadaan tertentu latar belakang boleh juga digunakan warna hitam, dengan memakai ukuran 3x4, iaitu 3 lintang dan 4 bujur".⁴¹

Bendera PAS

Draf asal Perlembagaan PAS 1951 dan Perlembagaan PAS 1951 turut mempunyai satu fasal khusus yang memperuntukkan bahawa PAS "hendaklah mempunyai bendera khas(nya)" tetapi kedua-dua perlembagaan ini juga tidak menentukan corak dan bentuk bendera khas itu dan hanya menyerahkan perkara ini kepada sama ada Jawatankuasa Kerja PAS⁴² atau kepada Mesyuarat Agung PAS.⁴³

³⁸ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 40(1); dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 39(1).

³⁹ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 40(2); dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 39(2).

⁴⁰ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 40(3); dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 39(3).

⁴¹ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 35; dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 74.

⁴² Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 17.

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953 telah menetapkan bahawa bendera (PAS) ialah "merah putih" dan di hujung sebelah atas merah dengan warna bulatan hijau yang bertulis kalimah "Allah Muhammad"⁴⁴--ketetapan yang terangkum di dalam Perlembagaan PAS 1954 dan Perlembagaan PAS 1963 yang memperuntukkan bahawa "bendera PAS ialah berwarna merah terletak di atas warna putih yang sama lebarnya dan di pangkal sebelah atas terletak satu bulatan warna hijau yang bertulis di dalamnya kalimah 'Allah Muhammad' dengan warna putih".⁴⁵

Pengharaman penggunaan kalimah "Allah Muhammad" pada bendera (dan pingat) PAS--di atas alasan bahawa "agama hendaklah tidak dimasukkan ke dalam politik, teristimewanya di dalam Malaysia yang mengandungi rakyat daripada berbagai-bagai agama" dan bahawa "(kalimah-kalimah) 'Allah' dan 'Muhammad'... mungkin boleh mengelirukan orang awam untuk mempercayai bahawa hanya parti tuan sahajalah untuk Allah dan Nabi Muhammad"--oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 24 Ogos 1967⁴⁶ pula telah mendorong Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968 menetapkan bahawa tempat kalimah itu di dalam bulatan hijau pada bendera (dan pingat) PAS akan dikosongkan sahaja dengan tidak diganti oleh

⁴³ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 20.

⁴⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 15 dan 17.

⁴⁵ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 39(a); dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 38(a).

⁴⁶ Surat Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Chin Hon Hian, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 24 Ogos 1967 (tidak bertajuk). Hlm. 1. Sementara surat ini mengarahkan agar kalimah-kalimah "Allah" dan "Muhammad" dipadamkan dari bendera (dan pingat) PAS, ia juga menyatakan "bendera yang berwarna merah dan putih sahaja seperti bendera parti tuan (tanpa lain-lain tanda) adalah serupa dengan bendera negara asing dan tidak boleh saya benarkan untuk kegunaan sebarang pertubuhan" (Ibid. Hlm. 1). Di atas rayuan PAS, Pendaftar Pertubuhan Malaysia telah--di bawah kuasa yang diperuntukkan kepadanya oleh Akta Pertubuhan 1966 yang berkuatkuasa mulai dari tarikh 1 Februari 1966--melakukan satu semakan menyeluruh ke atas Perlembagaan PAS 1963. Semakan ini berakhir dengan kelulusan, pada 14 Februari 1968, Pendaftar Pertubuhan Malaysia ke atas kesemua fasal yang terkandung di dalam perlembagaan itu melainkan Fasal 38 dan Fasal 39 yang memperuntukkan tentang penggunaan kalimah "Allah Muhammad" pada bendera dan pingat PAS, sekaligus mengekalkan keputusan awalnya untuk mengharamkan penggunaan kalimah "Allah

sesuatu yang lain sehingga PAS mencapai kemenangan.⁴⁷ Kelulusan ketetapan ini secara sekaligus menyebabkan Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977 sekadar memperuntukkan bahawa "bendera PAS ialah berwarna merah terletak di atas warna putih yang sama lebarnya dan di pangkalnya sebelah atas terletak satu bulatan hijau".⁴⁸

Seruan/Cogan Kata PAS

Draf asal Perlembagaan PAS 1951 dan Perlembagaan PAS 1951 tidak mempunyai sebarang peruntukan tentang seruan dan cogan kata PAS. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953 walau bagaimanapun telah menetapkan bahawa cogan kata (PAS) ialah "merdeka",⁴⁹ tetapi Perlembagaan PAS 1954 dan Perlembagaan PAS 1963 telah sebaliknya memperuntukkan bahawa cogan kata PAS ialah "*Allahuakbar*"⁵⁰ dan bahawa seruan PAS ialah "merdeka".⁵¹ Sementara peruntukan tentang cogan kata PAS telah dihapuskan di dalam Perlembagaan PAS 1973 dan Perlembagaan PAS 1977, kedua-dua perlembagaan itu telah memperuntukkan bahawa cogan kata PAS sebelumnya, iaitu "*Allahuakbar*", dijadikan sebagai seruan PAS pula.⁵²

Muhammad" pada bendera dan pingat PAS ini (Kertas kerja Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 19 April 1968 bertajuk "Bendera, Lambang Atau Lencana PAS". Hlm. 2).

⁴⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Hlm. 35.

⁴⁸ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 34(1); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 73(1).

⁴⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 15 dan 17.

⁵⁰ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 41(1); dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 40(1).

⁵¹ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 41(2); dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 40(2).

Tujuan Dan Usaha PAS

Dari segi tujuan PAS, draf asal Perlembagaan PAS 1951 memperuntukkan bahawa tujuan-tujuan PAS ialah untuk "mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk suatu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan-tuntutan agama Islam",⁵³ untuk "menumpukan segala ikhtiar dan tenaga bagi menyatukan perlembagaan pentadbiran agama seluruh Malaya"⁵⁴ dan untuk "memperkenalkan kepada (masyarakat) umum bahawa agama Islam ialah suatu agama pergaulan dan siasah".⁵⁵

Tujuan-tujuan ini telah dipinda oleh Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 pada 24 November 1951 menjadi "mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk suatu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan-tuntutan agama Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi",⁵⁶ "menumpukan segala ikhtiar dan tenaga bagi menyatukan perlembagaan pentadbiran agama seluruh Malaya",⁵⁷ "memelihara dan mempertahankan hak-hak kepentingan dan kehormatan agama dan

⁵² Perlembagaan PAS 1973. Fasal 36; dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 4.

⁵³ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 2(i).

⁵⁴ Ibid. Fasal 2(ii).

⁵⁵ Ibid. Fasal 2(iii). Othman Hamzah pula pernah menyatakan bahawa tujuan-tujuan (tidak rasmi) PAS mengikut apa yang diterangkan oleh Ahmad Maliki, Setiausaha Jawatankuasa Penaja PAS, kepada beliau ialah "(untuk berperanan) sebagai satu pertubuhan kebajikan yang bersatu dalam pertubuhan itu daripada ulama'-ulama' dan orang-orang Islam rakyat Persekutuan berkedudukan di bawah UMNO (yang) diharap akan dapat menasihat dan menekan pucuk pimpinan UMNO atau sekurang-kurangnya mengurangkan keleluasaan UMNO daripada melakukan amal usahanya yang melanggar batas-batas hukum syara' serta adab susila Islam seumpama menganjurkan loteri, mengadakan *fun-fair* dan sebagainya yang mengotorkan kesucian Islam" dan "(untuk berperanan) sebagai badan persediaan bagi gerakan menuntut kemerdekaan jika takdirnya UMNO pula diharamkan oleh penjajah Inggeris seperti yang dihadapi oleh PKMM dan HM yang berjuang menuntut kemerdekaan sebab UMNO pun berjuang menuntut kemerdekaan juga" (Othman Hamzah, *Riwayat Penubuhan PAS Dan Dewan Ulama'*, dlm. *Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat (1987). 36 Tahun PAS: Meniti Liku Perjuangan*. Kuala Lumpur. Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat. Hlm. 4-5).

⁵⁶ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 3(a).

⁵⁷ Ibid. Undang-Undang Nombor 3(b).

umat Islam"⁵⁸ dan "bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan siasah yang lain di dalam negeri ini yang dasar dan tujuannya tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran agama Islam di dalam mencapai demokrasi, keadilan masyarakat dan peri kemanusiaan".⁵⁹

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953 telah, di atas cadangan wakil Hilir Perak, kemudiannya menambahkan satu lagi butiran ke atas fasal tujuan PAS ini, iaitu "berikhtiar melaksanakan hukum-hukum dan ajaran-ajaran Islam di dalam kehidupan orang seorang dan masyarakat menuju keredhaan Ilahi".⁶⁰

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954 walau bagaimanapun telah mengubah tujuan-tujuan PAS ini menjadi "menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam"⁶¹ dan "memperjuangkan cita-cita Islam di dalam masyarakat dan urusan pemerintahan negara",⁶² sekaligus mengurangkan bilangan tujuan PAS daripada lima kepada dua.

Kelima-lima tujuan asal PAS ini walau bagaimanapun tidaklah dibuang terus dari Perlembagaan PAS 1954 kerana perlembagaan ini juga telah mewujudkan satu fasal baru, bertajuk "Usaha-Usaha PAS", yang memperuntukkan bahawa PAS akan berusaha untuk "mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk suatu tenaga

⁵⁸ Ibid. Undang-Undang Nombor 3(c).

⁵⁹ Ibid. Undang-Undang Nombor 3(d).

⁶⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 5. Pindaan ini telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan PAS 1951 sebagai Undang-Undang Nombor 3(d) manakala Undang-Undang Nombor 3(d) asalnya, iaitu "bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan siasah yang lain di dalam negeri ini yang dasar dan tujuannya tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran agama Islam di dalam mencapai demokrasi, keadilan masyarakat dan peri kemanusiaan", pula dijadikan sebagai Undang-Undang Nombor 3(e).

⁶¹ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 2(1).

⁶² Ibid. Fasal 2(2).

bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan-tuntutan agama Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi",⁶³ "menumpukan segala ikhtiar dan tenaga supaya dapat diadakan satu pentadbiran agama di seluruh Malaya",⁶⁴ "memelihara dan mempertahankan hak kepentingan dan kehormatan umat Islam di dalam kehidupan orang seorang",⁶⁵ "berikhtiar melaksanakan hukum-hukum dan ajaran-ajaran Islam di dalam kehidupan orang seorang dan masyarakat menuju keredhaan Allah"⁶⁶ dan "bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan yang lain yang dasar dan tujuannya tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran agama Islam dalam mencapai demokrasi, keadilan masyarakat dan peri kemanusiaan"⁶⁷ bagi membolehkan parti itu mencapai tujuan-tujuan barunya itu.

Tujuan-tujuan PAS ini telah sekali lagi diubah⁶⁸ oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963 menjadi "menjalankan ikhtiar-ikhtiar politik dan perlembagaan untuk mewujudkan di dalam Persekutuan Tanah Melayu akan pemerintahan Islam yang berjalan di dalamnya hukum-hukum Allah, pegangan-pegangan Islam dan pandangan-pandangan hidup Islam",⁶⁹

⁶³ Ibid. Fasal 3(1).

⁶⁴ Ibid. Fasal 3(2).

⁶⁵ Ibid. Fasal 3(3).

⁶⁶ Ibid. Fasal 3(4).

⁶⁷ Ibid. Fasal 3(5).

⁶⁸ Kedua-dua tujuan PAS ini walau bagaimanapun tidaklah dibuang terus dari Perlembagaan PAS 1963 kerana perlembagaan ini juga telah mewujudkan ruangan muqaddimah (*preamble*) yang mengisytiharkan bahawa penubuhan PAS adalah dibuat "bagi menyempurnakan ikhtiar-ikhtiar dan langkah-langkah dengan tujuan menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam di negeri ini dan untuk terus memperjuangkan cita-cita Islam di dalam masyarakat dan urusan negara ini" (Perlembagaan PAS 1963. Muqaddimah).

⁶⁹ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 2(1). Cadangan asal Zulkiflee Muhammad walau bagaimanapun menyebutkan bahawa tujuan pertama PAS adalah sebenarnya untuk "menjalankan ikhtiar-ikhtiar politik dan perlembagaan untuk mewujudkan pemerintahan Islam yang berjalan di dalamnya hukum-hukum Allah, pegangan-pegangan Islam dan pandangan-pandangan hidup Islam di dalam Persekutuan Tanah Melayu dan daerah-daerah atau negeri-negeri yang mungkin pada satu masa yang akan datang bersatu di dalamnya atau dengannya di dalam politik dan perlembagaan pemerintahannya" (Kertas

"mengembalikan, memperjuangkan dan memelihara hak kepentingan bangsa Melayu sebagai bumiputera",⁷⁰ "menjalankan ikhtiar-ikhtiar dan usaha-usaha politik dan perlembagaan bagi membawa terlaksananya sebuah masyarakat yang sejahtera dan berkebakikan yang mempunyai mutu hidup yang tinggi di dalam semua lapangan",⁷¹ "memperjuang dan melaksanakan serta memelihara kemajuan kehidupan ekonomi rakyat yang bersendikan keadilan ekonomi yang sempurna menurut agama Islam",⁷² "mengawal, mempertahankan dan memperkukuh kemerdekaan negara, kedudukan dan hak kepentingan-kepentingannya di dalam dan di luar",⁷³ "memperjuang dan melaksanakan serta memelihara kehidupan politik negara yang sihat dan adil bagi Persekutuan Tanah Melayu dan seluruh rakyatnya dengan mendaulatkan bahasa Melayu dan mempunyai kebudayaan kebangsaan yang bercorak Melayu yang tiada bertentangan dengan Islam",⁷⁴ "memperjuang dan menjalankan usaha-usaha supaya tertegak dasar-dasar dan amalan-amalan persaudaraan, kemanusiaan yang adil, demokrasi yang sihat dan keadilan kemasyarakatan di dalam lapangan-lapangan politik, ekonomi, pendidikan dan masyarakat bagi perkembangan dan kemajuan hidup seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan keteguhan negaranya"⁷⁵ dan "berusaha menentang dan memberantas penjajahan, pembudakan, kezaliman dan pemerasan walau dalam corak apa dan di mana jua pun".⁷⁶ Pindaan ke atas tujuan-tujuan PAS ini telah pada asalnya dikemukakan oleh Zulkiflee Muhammad di atas sifat beliau sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS

kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 3 Disember 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

⁷⁰ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 2(2).

⁷¹ Ibid. Fasal 2(3).

⁷² Ibid. Fasal 2(4).

⁷³ Ibid. Fasal 2(5).

⁷⁴ Ibid. Fasal 2(6).

⁷⁵ Ibid. Fasal 2(7).

di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3, 4 dan 5 Disember 1961 bagi tujuan untuk "menarik orang-orang (yang berada) di luar PAS dan orang-orang bukan Melayu supaya menyedari apakah sebenarnya yang menjadi tujuan PAS itu".⁷⁷

Setelah pindaan ini diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS berkenaan, ia telah kemudiannya dibentangkan pula di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963, kali ini di atas nama Jawatankuasa Kerja Agung PAS, tetapi, sewaktu ia dibahaskan, seorang perwakilan telah mendesak agar butiran kedua pindaan ini, iaitu "mengembalikan, memperjuangkan dan memelihara hak kepentingan bangsa Melayu sebagai bumiputera", tidak dimasukkan ke dalam fasal tujuan PAS dan hanya dimasukkan ke dalam fasal usaha PAS "untuk disesuaikan dengan dasar Islam yang telah diambil oleh PAS sebagai dasar perjuangannya".⁷⁸ Desakan ini walau bagaimanapun telah ditangkis oleh Mohd Asri Muda yang, mewakili Jawatankuasa Kerja Agung PAS, menyatakan: "Meletakkan Ceraian 2 itu ke dalam ruangan fasal tujuan bukanlah bererti Parti PAS ini berdasarkan kebangsaan. Sebagai dasar, kita hanya berdiri di atas satu *isme* atau faham sahaja, iaitu Islamisme. Kita harus mempunyai tempat bertapak dan berpijak yang diamanahkan kepada kita. Ertinya di dalam perjuangan hendaklah ada sesuatu yang dijadikan *mahkum 'alaihi*. Kalau di Tanah Arab yang menjadi *mahkum 'alaihi* ialah bangsa Arab, di Indonesia ialah bangsa Indonesia, maka kita di Tanah Melayu ini yang menjadi *mahkum*

⁷⁶ Ibid. Fasal 2(8).

⁷⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3, 4 dan 5 Disember 1961. Hlm. 2. Tambah Zulkiflee Muhammad lagi: "(Pindaan ke atas fasal tujuan PAS ini) adalah bererti membutirkan tujuan PAS yang sebenarnya sebagai sebuah parti politik... Tujuan yang lama itu tidak akan dapat benar-benar menarik pengertian orang kepada tujuan PAS yang sebenarnya. Nasib sesebuah parti politik mesti sanggup menerima proses dari beberapa perubahan, maka Jawatankuasa (Kerja) Agung mestilah sanggup mengatakan dengan betul-betul apa yang dikehendaki oleh PAS" (Ibid. Hlm. 7).

⁷⁸ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963. Hlm. 12.

'alaihi ialah bangsa Melayu. Bagaimanakah dapat kita menjalankan amanah kalau asas perlembagaan mesti kita letakkan di dalam fasal usaha?".⁷⁹ Di sebalik kehangatan perdebatan mengenainya, pindaan ini tetap diluluskan juga oleh para perwakilan apabila ia berjaya memperolehi 127 undi menyokong berbanding 27 undi membangkang.⁸⁰

Turut dipinda oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963 ini ialah fasal yang memperuntukkan mengenai usaha-usaha PAS di mana keseluruhan butiran asalnya telah dirombak menjadi "mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk satu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan-tuntutan agama Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi",⁸¹ "menyedarkan dan memperdalamkan di dalam hati umat Islam dan memberi penjelasan kepada orang-orang yang bukan Islam akan keelokan dan kesungguhan ajaran-ajaran dan hukum-hukum Islam bagi menyelesaikan kesulitan-kesulitan hidup dan bagi memelihara dan memajukan kepentingan dan kebajikan hidup rakyat dan negara Persekutuan Tanah Melayu",⁸² "menyatukan tenaga dan susunan pertubuhan bagi memperjuangkan perlaksanaan cita-cita kenegaraan dan kemasyarakatan

⁷⁹ Ibid. Hlm. 12-13. Sewaktu mula-mula mencadangkan pindaan ini, Zulkiflee Muhammad menyatakan: "Pengakuan Islam kepada hak bumiputera sesuatu daerah adalah nyata, Firman Tuhan, ertinya, "Hai manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu berasal dari laki-laki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa supaya kamu berkenalan antara satu sama lain, sesungguhnya orang termulia di antaramu pada sisi Allah ialah orang yang lebih taqwa, sesungguhnya Allah mengetahui lagi sebenarnya tahu". Dan pencerobohan atas hak seperti itu adalah berlawanan dengan hukum Allah yang mewajibkan keadilan di dalam semua perkara. Tidakkah boleh diertikan bahawa tujuan ini berlawanan dengan kepentingan orang-orang bukan Melayu sebab Islam itu sendiri mewajibkan layanan yang sesuai kepada mereka, dan oleh kerana bangsa Melayu itu sendiri adalah orang Islam, maka hak ketuanan bangsa Melayu itu bertujuan mewujudkan ketuanan umat Islam". Tambah beliau lagi: "Di dalam memberikan hak bumiputera kepada umat Islam ini, garisan perbezaan antara orang-orang Islam dan (orang-orang) bukan Islam itu ialah bahawa di dalam masalah *siqah* (ketuanan) dan *amanah* maka ia itu ditumpukan kepada umat Islam, adapun dalam masalah-masalah hidup, *mu'amalah*, *mu'asyarah* dan sebagainya, maka layanan yang sama adalah diberikan kepada semua penduduk yang taat kepada kedaulatan hukum Allah" (Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 3 Disember 1961 (tidak bertajuk). Hlm. 1-2).

⁸⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963. Hlm. 13.

⁸¹ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 3(1).

Islam di dalam negara ini melalui saluran-saluran perlembagaan di dalam pertubuhan politik dan tindakan-tindakan rasmi di dalam peringkat-peringkat yang tertentu",⁸³ "menyediakan rancangan politik dan pertubuhan serta melancarkan gerakan-gerakan apabila ada upaya dan kuasa untuknya dan membawa masyarakat dan negara menerima dan turut membantu perlaksanaannya",⁸⁴ "bersedia menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan politik dan lain-lainnya yang halal yang ada persamaan cara atau tujuannya bagi mencapai tujuan-tujuan atau mempercepat langkah-langkah atau mengemaskan cara PAS sendiri bila dipandang dan selama difikirkan perlu",⁸⁵ "memberikan sumbangan-sumbangan dan melakukan galakan-galakan bagi terlaksananya cita-cita PAS kepada sebarang usaha yang terdapat dilakukan oleh pihak-pihak lain, sama ada secara pertubuhan atau perseorangan"⁸⁶ dan "berikhtiar melaksanakan hukum-hukum dan ajaran Islam di dalam kehidupan orang seorang dan masyarakat menuju keredhaan Allah".⁸⁷

Kelapan-lapan butiran tujuan PAS ini telah sekali lagi diganti dengan dua butiran baru oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971 yang meluluskan ketetapan bahawa tujuan-tujuan terkini PAS ialah untuk "memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah"⁸⁸ dan untuk "mendokong dan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara".⁸⁹

⁸² Ibid. Fasal 3(2).

⁸³ Ibid. Fasal 3(3).

⁸⁴ Ibid. Fasal 3(4).

⁸⁵ Ibid. Fasal 3(5).

⁸⁶ Ibid. Fasal 3(6).

⁸⁷ Ibid. Fasal 3(7).

⁸⁸ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(2)(1); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 5(1).

Turut dipinda oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971 ini ialah fasal yang memperuntukkan mengenai usaha-usaha PAS yang telah diubah menjadi "menyeru umat manusia kepada syari'at Allah dan sunnah Rasul-Nya dengan melalui dakwah Islam secara lisan, tulisan dan amalan",⁹⁰ "memperjuangkan Islam sebagai ideologi politik dan memperkenalkan nilai-nilai keIslaman dalam usaha menegakkan keadilan di segenap bidang, termasuklah bidang politik, ekonomi, sosial dan pelajaran",⁹¹ "memupuk dan memperkuat ukhuwwah Islamiah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkeadilan",⁹² "mengajak dan menggalakkan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan bagi mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam",⁹³ "menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik dan keadilan ekonomi dalam negara, untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya",⁹⁴ "menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bila mana dan selama ianya mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara",⁹⁵ "mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal dalam amalannya, di samping itu berusaha mengembangkan bahasa al-Qur'an",⁹⁶ "memperjuangkan wujudnya kebudayaan kebangsaan yang

⁸⁹ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(2)(2); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 5(2).

⁹⁰ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(1); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(1).

⁹¹ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(2); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(2).

⁹² Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(3); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(3).

⁹³ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(4); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(4).

⁹⁴ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(5); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(5).

⁹⁵ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(6); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(6).

berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran Islam",⁹⁷ "memperjuangkan hak-hak dan kepentingan bangsa Melayu dan Bumiputera dalam usaha mencapai cita-cita keharmonian antara kaum dalam negara",⁹⁸ "menyertai dan bekerjasama dengan (Pertubuhan) Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia"⁹⁹ dan "melakukan apa juga usaha dan tindakan dalam batas-batas perlembagaan dan undang-undang negara bagi mencapai semua tujuan PAS".¹⁰⁰

Struktur Keahlian PAS

Dari segi struktur keahlian PAS, draf asal Perlembagaan PAS 1951 hanyalah memperuntukkan bahawa seseorang individu yang ingin menyertai PAS perlulah merupakan "seorang Islam yang akil baligh menurut hukum syara" di samping turut perlu "menjadi rakyat kepada sebuah negeri Melayu atau Singapura" sahaja.¹⁰¹

Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 pada 24 November 1951 walau bagaimanapun telah--selain memperuntukkan bahawa seseorang individu yang ingin

⁹⁶ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(7); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(7).

⁹⁷ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(8); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(8).

⁹⁸ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(9); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(9). Fasal ini ternyata hanyalah merupakan satu pengubahsuaian ke atas salah satu daripada tujuan-tujuan PAS sebelum ini, iaitu "mengembalikan, memperjuangkan dan memelihara hak kepentingan bangsa Melayu sebagai bumiputera"--frasa yang telah dicadang untuk digantikan dengan satu frasa lain yang berbunyi "memperjuangkan hak keadilan umat Islam di tanah air" oleh Hasan Adli Arshad (Kertas kerja Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 14 Mei 1971 bertajuk "Syor-Syor Pindaan (Perlembagaan) PAS". Hlm. 5).

⁹⁹ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(10); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(10).

¹⁰⁰ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(11); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 6(11).

menyertai PAS perlulah merupakan "seorang Islam yang akil baligh menurut hukum syara'" di samping turut perlu "menjadi rakyat kepada sesebuah negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu atau rakyat Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura"¹⁰²-- melonggarkan syarat keahlian PAS ini dengan menyatakan bahawa seorang Islam yang akil baligh menurut hukum syara' tetapi tidak menjadi rakyat kepada sesebuah negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu atau rakyat Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura boleh menyertai PAS sebagai ahli bersekutu¹⁰³ dan bahawa sebarang persatuan atau pertubuhan yang berdasarkan Islam boleh diterima untuk menjadi ahli gabungan kepada PAS menurut syarat-syarat yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kerja PAS.¹⁰⁴

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954 telah seterusnya memperincikan lagi struktur keahlian PAS ini dengan menyatakan bahawa keahlian PAS adalah terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu ahli-ahli biasa,¹⁰⁵ ahli-ahli bersekutu¹⁰⁶ dan ahli-ahli bergabung.¹⁰⁷ Sementara ahli bersekutu kepada PAS hanya perlu merupakan "seorang Islam yang (ber)simpati dengan perjuangan PAS",¹⁰⁸ ahli biasa kepada PAS pula perlulah memenuhi syarat kewarganegaraan yang tertentu, iaitu dengan sama ada menjadi "seorang Islam yang telah menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan/atau menjadi rakyat Raja-Raja Melayu",¹⁰⁹ "seorang Islam yang

¹⁰¹ Draf asal Perlembagaan PAS 1954. Fasal 9(1).

¹⁰² Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 11(a).

¹⁰³ Ibid. Undang-Undang Nombor 11(c).

¹⁰⁴ Ibid. Undang-Undang Nombor 11(d).

¹⁰⁵ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 8(1)(a).

¹⁰⁶ Ibid. Fasal 8(1)(b).

¹⁰⁷ Ibid. Fasal 8(1)(c).

¹⁰⁸ Ibid. Fasal 8(3).

diperanakkan di sebarang tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat bahawa ibu bapanya ialah seorang daripada rakyat Persekutuan Tanah Melayu",¹¹⁰ "seorang Islam yang diperanakkan di luar dari Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat kedua-dua ibu bapanya atau salah seorang daripadanya telah menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan dirinya sendiri telah tinggal tetap di sebarang tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu ini selama tidak kurang daripada 5 tahun terlebih dahulu dari tarikh permintaannya menjadi ahli"¹¹¹ atau "seorang Islam rakyat British dengan syarat dirinya telah tinggal tetap di sebarang tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura selama tidak kurang daripada 7 tahun terlebih dahulu dari tarikh permintaannya menjadi ahli".¹¹² Selain perlu memenuhi kelayakan sebagai "seorang Islam yang akil baligh menurut hukum Islam",¹¹³ ahli biasa dan ahli bersekutu kepada PAS adalah disyaratkan untuk "mengaku serta sanggup menerima dan menurut perlembagaan, rancangan-rancangan dan perintah-perintah PAS".¹¹⁴ Ahli bergabung kepada PAS pula perlulah merupakan sebuah pertubuhan atau persatuan Islam yang "mempunyai undang-undang yang diakui oleh kerajaan",¹¹⁵ "mempunyai peraturan-peraturan yang teratur dan tujuan-tujuan yang nyata",¹¹⁶ "mengakui PAS sebagai sebuah parti politik Islam yang tunggal di Persekutuan Tanah Melayu",¹¹⁷ "mengakui kebenaran

¹⁰⁹ Ibid. Fasal 8(2)(a).

¹¹⁰ Ibid. Fasal 8(2)(b).

¹¹¹ Ibid. Fasal 8(2)(c).

¹¹² Ibid. Fasal 8(2)(d).

¹¹³ Ibid. Fasal 9(1).

¹¹⁴ Ibid. Fasal 9(2).

¹¹⁵ Ibid. Fasal 32(1).

¹¹⁶ Ibid. Fasal 32(2).

¹¹⁷ Ibid. Fasal 32(3).

politik PAS",¹¹⁸ "mengaku taat kepada undang-undang dan peraturan-peraturan serta keputusan-keputusan Mesyuarat PAS yang diadakan dari satu masa ke satu masa",¹¹⁹ "mengaku boleh bertolak-ansur di dalam sesuatu perselisihan faham kalau-kalau berbangkit dan keputusan muktamad diikuti dengan segala senang hati"¹²⁰ manakala langkah penggabungan itu sendiri pula perlulah "di(per)setujui oleh sekurang-kurangnya dua per tiga daripada ahli (pertubuhan atau persatuan Islam itu) yang sedia ada".¹²¹

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955 telah kemudiannya meminda fasal yang memperuntukkan tentang keahlian PAS ini dengan memasukkan cerai yang mensyaratkan "tiap-tiap seorang yang hendak menjadi ahli PAS tidaklah boleh menjadi ahli kepada sebarang parti politik yang lain".¹²²

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 April 1962 pula telah bersetuju untuk membawa cadangan Zulkiflee Muhammad agar Perlembagaan PAS 1954 dipinda bagi membolehkan warganegara bukan Islam yang bersimpati dengan perjuangan Islam diterima sebagai ahli bersekutu PAS¹²³ turut dibahaskan di dalam mesyuarat agung khas yang dicadang untuk dilangsungkan pada 22 April 1962 bagi

¹¹⁸ Ibid. Fasal 32(4).

¹¹⁹ Ibid. Fasal 32(5).

¹²⁰ Ibid. Fasal 32(6).

¹²¹ Ibid. Fasal 32(7).

¹²² Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm 10. Pindaan ini telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan PAS 1954 sebagai Fasal 32(8).

¹²³ Cadangan ini adalah sebenarnya selari dengan kandungan satu penyata yang menyebut bahawa salah satu daripada lima faktor yang menyebabkan kekalahan PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1959 adalah kerana "bangsa asing sama sekali tidak faham cita-cita PAS, maka dapat dibuat fitnah oleh pihak lawan PAS menyebabkan mereka telah mengundi Perikatan kerana takut kepada PAS" dan bahawa salah satu daripada empat perkara yang perlu dilakukan oleh PAS untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan datang adalah untuk "(mem)beri penerangan dengan seluas-luasnya kepada

membincangkan beberapa cadangan pindaan perlembagaan lain yang telah ditetapkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3, 4 dan 5 Disember 1961 sebelumnya.¹²⁴ Cadangan pindaan ini, juga cadangan-cadangan pindaan lainnya, malangnya telah tidak dapat dibahaskan di dalam mesyuarat agung khas yang dicadangkan ini disebabkan ketidacukupan bilangan para perwakilan yang menghadirinya¹²⁵ dan telah, dengan perasaan yang amat berat sekali, ditarik balik oleh Zulkiflee Muhammad sendiri di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 November 1962 ekoran laporan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri mengenai penentangan hebat ahli-ahli PAS di seluruh negara terhadapnya.¹²⁶

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963 telah kemudiannya meminda fasal yang memperuntukkan tentang

bangsa asing supaya (mereka) tidak akan memusuhi PAS" (Penyata Jawatankuasa Pilihan Raya PAS 1959. Hlm. 5).

¹²⁴ Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Mac 1962, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1962/1963. Hlm. 4-5; dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 April 1962, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1962/1963. Hlm. 5.

¹²⁵ Kertas Mesyuarat (Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963). Bil. 1 (Lampiran). Hlm. 1.

¹²⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 November 1962. Hlm. 4. Selain laporan-laporan negatif Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri--iaitu Khaidir Khatib, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan; Ismail Tamim, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri Sembilan; Abdul Wahab Mohd Nor, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Perak, dan Muhammad Hanif, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Selangor--ini, Mohd Asri Muda juga turut dilapor menyatakan bahawa "kalau usul ini diterima ada kemungkinan ulama'-ulama' PAS tidak mahu bekerjasama dengan PAS". Mengikut minit mesyuarat ini, Zulkiflee Muhammad telah meminta supaya mesyuarat itu ditangguhkan pada pukul 12.05 tengahari untuk disambung semula pada pukul 2.30 petang "supaya dapat beliau bertenang untuk menyatakan pendapat (beliau) kelak" (Ibid. Hlm. 2-3). Imbau Amaluddin Darus pula: "Bila (cadangan membuka pintu PAS kepada warganegara Malaya yang bukan Islam sebagai ahli bersekutu) ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS, saya telah menyokong(nya), tetapi (ia) telah dibantah oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS (yang lain)...Perkara ini telah dikritik dengan pedas sekali seolah-olah pencadang asalnya (Zulkiflee Muhammad) adalah seorang pengkhianat kepada bangsa Melayu...Zulkiflee (Muhammad) menangis tersedu-sedu, kerana itu mesyuarat terpaksa ditangguhkan oleh pengerusi(nya), iaitu Dr Burhanuddin (al-Helmy), hingga jam 2.00 petang. Apabila mesyuarat disambung semula, (Dr Burhanuddin al-Helmy) telah menyatakan, "Sekarang kita sambung kembali perbahasan tadi". Dengan suara yang perlahan, Zulkiflee (Muhammad) mencelah, "Saudara Pengerusi", kata (beliau), "Lupakan agenda itu dan anggapkan ia tidak pernah ada. Saudara Zulkiflee (Muhammad) memang merasa terlalu

keahlian PAS ini dengan menghapuskan peruntukan yang berkaitan dengan kewujudan ahli-ahli bersekutu, dengan meminda sesetengah peruntukan yang berkaitan dengan keahlian ahli-ahli biasa dan dengan menggantikan istilah--tetapi dengan mengekalkan kesemua peruntukan yang berkaitan dengan syarat-syarat penggabungan--"ahli-ahli bergabung" dengan istilah "badan bergabung". Setelah melalui pindaan-pindaan ini, maka keahlian PAS kini terbahagi kepada dua bahagian sahaja, iaitu ahli-ahli biasa¹²⁷ dan badan bergabung,¹²⁸ di mana ahli biasa kepada PAS perlulah merupakan seorang warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang beragama Islam¹²⁹--atau seorang Islam yang diperanakkan di sebarang tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat bahawa ibu atau bapanya ialah seorang daripada rakyat Persekutuan Tanah Melayu¹³⁰--yang tidak menjadi ahli dalam mana-mana parti politik di dalam negara atau mana-mana badan politik yang berlawanan dengan dasar PAS di negara-negara lain.¹³¹ Dari segi syarat-syarat keahlian, ahli biasa ini masih disyaratkan untuk menjadi "seorang Islam yang akil baligh menurut hukum Islam"¹³² dan untuk "mengaku serta sanggup menerima dan menurut perlembagaan, rancangan-rancangan dan perintah-perintah PAS".¹³³

Mesyyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971 telah seterusnya membuat satu lagi pindaan ke atas struktur keahlian PAS ini dengan menghapuskan kesemua peruntukan yang berkaitan dengan kewujudan badan

sedih dan hal ini telah diceritakan oleh (beliau) kepada Saudara Abdul Mutalib Azmi" (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 179-180).

¹²⁷ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 8(1)(a).

¹²⁸ Ibid. Fasal 8(1)(a).

¹²⁹ Ibid. Fasal 8(2)(a).

¹³⁰ Ibid. Fasal 8(2)(b).

¹³¹ Ibid. Fasal 8(2)(c).

¹³² Ibid. Fasal 9(1).

bergabungnya di samping dengan memperkemarkan lagi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan syarat-syarat keahlian ahli-ahli PAS. Setelah melalui pindaan-pindaan ini, maka kini terdapat "hanya satu sahaja jenis keahlian dalam PAS, iaitu dinamakan 'Ahli PAS'",¹³⁴ di mana status keahlian ini hanya diberikan kepada seseorang individu yang merupakan "warganegara Persekutuan",¹³⁵ "beragama Islam",¹³⁶ "akil baligh menurut hukum syara"¹³⁷ dan "mengaku menerima serta taat kepada perlembagaan PAS dan peraturannya serta arahan-arahan dan keputusan parti dari semasa ke semasa".¹³⁸

Struktur Kepimpinan PAS

Dari segi struktur kepimpinan PAS, Perlembagaan PAS 1951 telah mengekalkan kandungan draf asal Perlembagaan PAS 1951 yang memperuntukkan bahawa Pegawai Pegawai PAS adalah terdiri daripada seorang Yang Dipertua,¹³⁹ seorang Timbalan Yang Dipertua,¹⁴⁰ tiga orang Naib Yang Dipertua,¹⁴¹ seorang Setiausaha Agung,¹⁴² seorang

¹³³ Ibid. Fasal 9(2).

¹³⁴ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 8; dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 8.

¹³⁵ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 9(1); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 9(1).

¹³⁶ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 9(2); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 9(2).

¹³⁷ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 9(3); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 9(3).

¹³⁸ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 9(4); dan Perlembagaan PAS 1977. Fasal 9(4).

¹³⁹ Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 3(i); dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 4(a).

¹⁴⁰ Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 3(ii); dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 4(b).

¹⁴¹ Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 3(iii); dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 4(c).

¹⁴² Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 3(iv); dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 4(d).

Bendahari Agung¹⁴³ dan 12 orang Ahli Jawatankuasa (Kerja).¹⁴⁴ Perlembagaan PAS 1951 ini juga telah mengekalkan kandungan draf asal Perlembagaan PAS 1951 yang memperuntukkan bahawa Pegawai-Pegawai PAS ini, kecuali satu per tiga daripada ahli jawatankuasa (kerja)nya yang perlu dilantik oleh Yang Dipertua PAS, hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS dan bahawa mereka akan memegang jawatan ini selama setahun, iaitu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan PAS yang seterusnya.¹⁴⁵

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953 telah, di atas cadangan Jawatankuasa Kerja PAS, kemudiannya meminda cara perlantikan Pegawai-Pegawai PAS ini dengan memperuntukkan bahawa Setiausaha Agung PAS perlulah dipilih oleh Yang Dipertua PAS di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS.¹⁴⁶

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953 telah, juga di atas cadangan Jawatankuasa Kerja PAS, mewujudkan dua lagi jawatan Pegawai PAS, iaitu seorang Penolong Setiausaha Agung dan seorang Setiausaha Kewangan--sekaligus meningkatkan jumlah kesemua Pegawai PAS kepada 21--di samping telah turut meminda nama 4 daripada 6 jawatan Pegawai-Pegawai PAS ini, iaitu daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan Ahli Jawatankuasa (Kerja) masing-masingnya menjadi Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung, Naib Yang Dipertua Agung dan Ahli Jawatankuasa Agung masing-masingnya.¹⁴⁷ Turut

¹⁴³ Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 3(v); dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 4(e).

¹⁴⁴ Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 3(vi); dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 4(f).

¹⁴⁵ Draft asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 4; dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 5.

¹⁴⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 14 dan 16.

dipinda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 ini ialah cara perlantikan Pegawai-Pegawai PAS ini melalui penambahan ceraiian yang memperuntukkan bahawa-- sementara Penolong Setiausaha Agung PAS perlu dipilih oleh Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS--Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS tidak lagi perlu dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kerana Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS akan dengan secara automatik dilantik menjawat jawatan Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS.¹⁴⁸

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954 pula telah membuat satu pindaan yang besar ke atas fasal yang memperuntukkan mengenai struktur kepimpinan PAS ini dengan menyatakan bahawa Pegawai-Pegawai Agung PAS kini hanyalah terdiri daripada 8 individu--iaitu seorang Yang Dipertua Agung,¹⁴⁹ seorang Timbalan Yang Dipertua Agung,¹⁵⁰ seorang Naib Yang Dipertua Agung,¹⁵¹ 3 orang Ketua Dewan-Dewan,¹⁵² seorang Setiausaha Agung¹⁵³ dan seorang Bendahari Agung¹⁵⁴-- sahaja. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 ini juga turut memperuntukkan bahawa kesemua 8 Pegawai Agung PAS ini--kecuali Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS yang perlu dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali di dalam mesyuarat agung tahunan dewan-dewan berkenaan,¹⁵⁵ juga

¹⁴⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 4.

¹⁴⁸ Ibid. Hlm. 4 dan 5.

¹⁴⁹ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 17(1)(a).

¹⁵⁰ Ibid. Fasal 17(1)(b).

¹⁵¹ Ibid. Fasal 17(1)(c).

¹⁵² Ibid. Fasal 17(1)(d).

¹⁵³ Ibid. Fasal 17(1)(e).

¹⁵⁴ Ibid. Fasal 17(1)(f).

Setiausaha Agung PAS yang perlu dilantik oleh Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS daripada ahli-ahli biasa PAS dan yang akan memegang jawatan itu sehingga kepada dua kali Mesyuarat Agung Tahunan PAS yang seterusnya¹⁵⁶--hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS pada tiap-tiap tahun daripada ahli-ahli biasa PAS.¹⁵⁷ Kesemua 8 Pegawai Agung PAS ini, yang disyaratkan untuk dipilih atau dilantik "daripada orang-orang yang tidak menjadi pegawai atau ahli jawatankuasa di dalam mana-mana parti politik yang lain",¹⁵⁸ dengan sendirinya akan menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS.¹⁵⁹ Turut menganggotai Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini ialah "tidak lebih daripada 12 orang ahli biasa", dengan 8 daripadanya perlu dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS (pada tiap-tiap tahun) manakala 4 ahli yang lain perlu dilantik oleh Yang Dipertua Agung PAS.¹⁶⁰

Ceraian yang mensyaratkan bahawa Pegawai-Pegawai Agung PAS hendaklah dipilih atau dilantik "daripada orang-orang yang tidak menjadi pegawai atau ahli jawatankuasa di dalam mana-mana parti politik yang lain"¹⁶¹ telah terhapus sendiri kemudiannya apabila Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955 menambahkan satu ceraian kepada fasal yang memperuntukkan tentang syarat-syarat keahlian PAS, iaitu ceraian yang berbunyi "tiap-tiap seorang yang hendak menjadi ahli PAS tidaklah boleh menjadi ahli kepada sebarang parti politik yang lain".¹⁶²

¹⁵⁵ Ibid. Fasal 17(4), (5) dan (6).

¹⁵⁶ Ibid. Fasal 17(7).

¹⁵⁷ Ibid. Fasal 17(3).

¹⁵⁸ Ibid. Fasal 17(2).

¹⁵⁹ Ibid. Fasal 18(1).

¹⁶⁰ Ibid. Fasal 18(1).

¹⁶¹ Ibid. Fasal 17(2).

Ceraian-ceraian yang memperuntukkan tentang tempoh pemegangan jawatan Pegawai-Pegawai Agung dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang perlu dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS¹⁶³ telah turut dipinda oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957 bagi menjadikan pemegang-pemegang jawatan berkenaan kini hanya perlu dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali.¹⁶⁴

Satu lagi pindaan telah turut dibuat ke atas ceraian yang memperuntukkan tentang cara perlantikan Pegawai-Pegawai Agung PAS apakala Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963 memutuskan bahawa kini Bendahari Agung PAS juga perlu dilantik oleh Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS dengan syarat-syarat yang sama seperti yang dikenakan ke atas perlantikan Setiausaha Agung PAS sebelumnya, iaitu bahawa beliau perlu dilantik daripada ahli-ahli biasa PAS dan bahawa beliau akan memegang jawatan itu sehingga kepada dua kali Mesyuarat Agung Tahunan PAS yang seterusnya.¹⁶⁵

Satu pindaan yang menyeluruh ke atas struktur kepimpinan PAS telah seterusnya dibuat oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971 yang telah, pertama, menghapuskan panggilan Pegawai-Pegawai Agung PAS kepada Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung, Naib Yang Dipertua Agung, Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda, Ketua Dewan Muslimat, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung PAS; kedua, mewujudkan sebuah jawatankuasa khas--yang dikenali dengan nama "Jawatankuasa Dewan Harian PAS Pusat"--yang dianggotai oleh

¹⁶² Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm 10.

¹⁶³ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 17(3) dan Fasal 18(1).

¹⁶⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957. Hlm. 15.

Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung PAS untuk membantu tugas-tugas Jawatankuasa Kerja Agung PAS;¹⁶⁶ dan, ketiga, menambahkan seorang lagi Naib Yang Dipertua Agung PAS dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS ke dalam komposisi Jawatankuasa Kerja Agung PAS--sekaligus meningkatkan jumlah Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS kepada 27. Secara khususnya, Jawatankuasa Kerja Agung PAS¹⁶⁷ kini adalah terdiri daripada seorang Yang Dipertua Agung,¹⁶⁸ seorang Timbalan Yang Dipertua Agung,¹⁶⁹ 2 orang Naib Yang Dipertua Agung,¹⁷⁰ 3 orang Ketua Dewan-Dewan,¹⁷¹ seorang Setiausaha Agung,¹⁷² seorang Bendahari Agung¹⁷³ dan 18 orang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung.¹⁷⁴ Sementara Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung, Naib-Naib Yang Dipertua Agung dan 12 orang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS dikehendaki dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS pada tiap-tiap dua tahun sekali

¹⁶⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963. Hlm. 12-13; dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 17(6).

¹⁶⁶ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 17(13) dan Fasal 18(7).

¹⁶⁷ Hasan Adli Arshad telah sebelumnya mencadangkan supaya istilah "Agung" yang terdapat di dalam Perlembagaan PAS "hendaklah tidak digunakan lagi" kerana "kalimah agung-agungan itu terasa tidak enak pada *zawq safi* Islam" (Kertas kerja Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 14 Mei 1971 bertajuk "Syor-Syor Pindaan (Perlembagaan) PAS". Hlm. 1), tetapi cadangan beliau supaya istilah "Jawatankuasa Agung" digantikan dengan istilah "Dewan Pimpinan Pusat" (Ibid. Hlm. 2)--juga cadangan-cadangan lain beliau supaya istilah-istilah "Yang Dipertua Agung", "Timbalan Yang Dipertua Agung", "Naib Yang Dipertua Agung", "Setiausaha Agung", "Bendahari Agung", "Ahli-Ahli Jawatankuasa Agung", "Pejabat Agung" dan "Mesyuarat Agung" masing-masingnya digantikan dengan istilah-istilah "Ketua Pemimpin", "Wakil Ketua Pemimpin, Satu", "Wakil Ketua Pemimpin, Dua", "Ketua Setiausaha", "Ketua Pemegang Amanah", "Anggota-Anggota Dewan Pimpinan Pusat", "Markas Besar Pusat" dan "Muktamar" (Ibid. Hlm. 2)--telah tidak dipertimbangkan dengan serius oleh Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan PAS 1971.

¹⁶⁸ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 17(1)(1).

¹⁶⁹ Ibid. Fasal 17(1)(2).

¹⁷⁰ Ibid. Fasal 17(1)(3).

¹⁷¹ Ibid. Fasal 17(1)(4).

¹⁷² Ibid. Fasal 17(1)(5).

¹⁷³ Ibid. Fasal 17(1)(6).

daripada ahli-ahli PAS¹⁷⁵ manakala Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan 6 orang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS dikehendaki dilantik oleh Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS daripada ahli-ahli PAS dan akan memegang jawatan itu sehingga kepada dua kali Mesyuarat Agung Tahunan PAS yang seterusnya;¹⁷⁶ Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS pula dikehendaki dipilih oleh mesyuarat agung tahunan dewan-dewan tersebut pada tiap-tiap dua tahun sekali daripada ahli-ahli dewan-dewan tersebut.¹⁷⁷

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 walau bagaimanapun telah mengubah komposisi Jawatankuasa Dewan Harian PAS Pusat dengan memasukkan Naib-Naib Yang Dipertua Agung, Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS ke dalamnya,¹⁷⁸ sekaligus meningkatkan jumlah Ahli Jawatankuasa Dewan Harian PAS Pusat kepada 9.

Struktur Organisasi PAS

Dari segi struktur organisasi PAS, draf asal Perlembagaan PAS 1951 memperuntukkan tentang kewujudan PAS cawangan yang hanya boleh ditubuhkan oleh "siapa-siapa yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja PAS" di sesuatu "kawasan yang difikirkan patut yang telah sedia ada di dalam kawasan itu tidak kurang daripada

¹⁷⁴ Ibid. Fasal 17(1)(7).

¹⁷⁵ Ibid. Fasal 17(2) dan Fasal 17(5).

¹⁷⁶ Ibid. Fasal 17(4) dan Fasal 17(5).

¹⁷⁷ Ibid. Fasal 17(3).

¹⁷⁸ Perlembagaan PAS 1977. Fasal 22(13).

100 orang ahli (PAS)".¹⁷⁹ Urusan pentadbiran cawangan ini dilakukan oleh 9 pegawai, iaitu seorang Penasihat,¹⁸⁰ seorang Setiausaha,¹⁸¹ seorang Penolong Setiausaha,¹⁸² seorang Bendahari¹⁸³ dan sekurang-kurangnya 5 orang Ahli Jawatankuasa Kerja.¹⁸⁴

Struktur organisasi yang dikemukakan oleh draf asal Perlembagaan PAS 1951 ini telah dikekalkan oleh Perlembagaan PAS 1951 yang walau bagaimanapun telah meminda syarat keahlian yang diperlukan untuk membolehkan penubuhan sesebuah cawangan PAS, iaitu daripada "tidak kurang daripada 100 orang"¹⁸⁵ kepada "tidak kurang daripada 50 orang"¹⁸⁶ di samping turut meminda nama jawatan seorang daripada pegawai cawangan berkenaan, iaitu daripada "Penasihat"¹⁸⁷ kepada "Yang Dipertua".¹⁸⁸

Perlembagaan PAS 1954 seterusnya memperuntukkan pula kewujudan PAS di satu lagi peringkat, iaitu di peringkat ranting, di mana sementara penubuhan sesebuah cawangan PAS boleh dilakukan "di mana-mana tempat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS",¹⁸⁹ "sama ada dengan meliputi sesebuah negeri sekali ataupun sesebuah daerah ataupun beberapa daerah yang disatukan atau satu-satu kawasan

¹⁷⁹ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 12(1).

¹⁸⁰ Ibid. Fasal 12(2)(a).

¹⁸¹ Ibid. Fasal 12(2)(b).

¹⁸² Ibid. Fasal 12(2)(c).

¹⁸³ Ibid. Fasal 12(2)(d).

¹⁸⁴ Ibid. Fasal 12(2)(e).

¹⁸⁵ Ibid. Fasal 12(1).

¹⁸⁶ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 15(1).

¹⁸⁷ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 12(2)(a).

¹⁸⁸ Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 15(2)(a).

¹⁸⁹ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 15(1).

yang telah sedia ada sekurang-kurangnya 50 orang ahli (PAS)",¹⁹⁰ penubuhan sesebuah ranting PAS pula boleh dilakukan "di mana-mana tempat dalam cawangan itu yang dipersetujui oleh jawatankuasa kerja cawangan itu"¹⁹¹ dengan mengandungi "sekurang-kurangnya 15 orang ahli (PAS)".¹⁹² Perlembagaan ini juga turut memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Kerja Cawangan dan Jawatankuasa Kerja Ranting PAS, di mana Jawatankuasa Kerja Cawangan PAS adalah dianggotai oleh seorang Yang Dipertua,¹⁹³ seorang Naib Yang Dipertua,¹⁹⁴ 3 orang Ketua Dewan,¹⁹⁵ seorang Setiausaha,¹⁹⁶ seorang Bendahari¹⁹⁷ dan "beberapa orang lagi yang dipersetujui oleh majlis mesyuarat agung tahunan cawangan itu"¹⁹⁸ manakala Jawatankuasa Kerja Ranting PAS adalah dianggotai oleh seorang Ketua,¹⁹⁹ seorang Naib Ketua,²⁰⁰ seorang Setiausaha,²⁰¹ seorang Bendahari²⁰² dan "beberapa orang lagi yang dipersetujui oleh majlis mesyuarat agung tahunan ranting itu".²⁰³ Turut diperuntukkan adalah perlantikan, oleh "Yang Dipertua Agung PAS dengan nasihat Jawatankuasa Kerja

¹⁹⁰ Ibid. Fasal 15(2).

¹⁹¹ Ibid. Fasal 16(1).

¹⁹² Ibid. Fasal 16(2).

¹⁹³ Ibid. Fasal 20(1) dan Fasal 19(1)(a).

¹⁹⁴ Ibid. Fasal 20(1) dan Fasal 19(1)(b).

¹⁹⁵ Ibid. Fasal 20(1) dan Fasal 19(1)(c).

¹⁹⁶ Ibid. Fasal 20(1) dan Fasal 19(1)(d).

¹⁹⁷ Ibid. Fasal 20(1) dan Fasal 19(1)(e).

¹⁹⁸ Ibid. Fasal 20(1).

¹⁹⁹ Ibid. Fasal 22(1) dan Fasal 21(1)(a).

²⁰⁰ Ibid. Fasal 22(1) dan Fasal 21(1)(b).

²⁰¹ Ibid. Fasal 22(1) dan Fasal 21(1)(c).

²⁰² Ibid. Fasal 22(1) dan Fasal 21(1)(d).

²⁰³ Ibid. Fasal 22(1).

Agung PAS",²⁰⁴ "seorang pegawai perhubungan yang dipanggil Pesuruhjaya Daerah" di "sesebuah negeri atau sesebuah daerah ataupun sesuatu tempat yang adanya cawangan PAS itu lebih daripada satu"²⁰⁵ di mana Pesuruhjaya Daerah ini adalah dibolehkan untuk membentuk sebuah jawatankuasa yang dinamakan "Jawatankuasa Perhubungan" dan yang keahliannya adalah terdiri daripada wakil-wakil cawangan yang ditentukan.²⁰⁶

Syarat penubuhan sesebuah cawangan PAS telah seterusnya dipinda oleh Perlembagaan PAS 1963 yang kini menghendaki sesebuah cawangan PAS hanya "ditubuhkan dalam satu daerah (jajahan) di dalam sebuah negeri dengan syarat telah sedia ada tidak kurang daripada 100 orang ahli biasa PAS".²⁰⁷ Turut dipinda oleh perlembagaan ini ialah keanggotaan Jawatankuasa Kerja Cawangan PAS yang kini turut disertai oleh seorang Penolong Setiausaha PAS Cawangan²⁰⁸ tetapi yang tidak lagi disertai oleh Ketua Dewan Ulama' PAS Cawangan. Peruntukan mengenai kewujudan "Pesuruhjaya Daerah" juga telah digantikan dengan peruntukan baru yang menghendaki "Pesuruhjaya Negeri" diwujudkan di "sesebuah negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu",²⁰⁹ di mana pegawai yang dilantik oleh "Yang Dipertua Agung PAS dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Agung PAS"²¹⁰ ini adalah dikehendaki untuk membentuk sebuah jawatankuasa negeri, yang dinamakan "Perhubungan PAS Negeri", yang keahliannya adalah terdiri daripada wakil-wakil cawangan dalam negeri itu.²¹¹

²⁰⁴ Ibid. Fasal 26(2).

²⁰⁵ Ibid. Fasal 26(1).

²⁰⁶ Ibid. Fasal 26(3).

²⁰⁷ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 15(2).

²⁰⁸ Ibid. Fasal 20(1) dan Fasal 19(e).

²⁰⁹ Ibid. Fasal 26(1).

²¹⁰ Ibid. Fasal 26(2).

Struktur organisasi PAS telah sekali lagi dipinda oleh Perlembagaan PAS 1973 yang kini mewujudkan satu fasal khusus bagi memperkatakan tentang kewujudan PAS, sebagai sebuah organisasi, di peringkat negeri. Jika sebelum ini kewujudan "Perhubungan PAS Negeri", dan sebelumnya "Jawatankuasa Perhubungan", hanya digantungkan kepada kewujudan "Pesuruhjaya Negeri", dan sebelumnya kepada "Pesuruhjaya Daerah", perlembagaan ini telah menterbalikkan keadaan dengan memfokuskan lebih kepada "Badan Perhubungan PAS Negeri" berbanding kepada "Pesuruhjaya Negeri" dengan memperuntukkan penubuhan sebuah badan, yang dinamakan "Badan Perhubungan PAS Negeri", pada tiap-tiap negeri dengan keanggotaannya terdiri daripada Pesuruhjaya Negeri,²¹² tidak lebih daripada 3 orang Timbalan Pesuruhjaya Negeri,²¹³ Setiausaha Perhubungan Negeri,²¹⁴ Bendahari Perhubungan Negeri,²¹⁵ Ketua dan Setiausaha Dewan Ulama' Negeri,²¹⁶ Ketua dan Setiausaha Dewan Pemuda Negeri,²¹⁷ Ketua dan Setiausaha Dewan Muslimat Negeri,²¹⁸ Yang Dipertua-Yang Dipertua Cawangan PAS dalam negeri itu,²¹⁹ Setiausaha-Setiausaha Cawangan PAS dalam negeri itu²²⁰ dan tidak lebih daripada 5 orang (ahli) yang dilantik oleh Pesuruhjaya Negeri dengan persetujuan Mesyuarat Badan

²¹¹ Ibid. Fasal 26(3).

²¹² Perlembagaan PAS 1973. Fasal 26(1)(1).

²¹³ Ibid. Fasal 26(1)(2).

²¹⁴ Ibid. Fasal 26(1)(3).

²¹⁵ Ibid. Fasal 26(1)(4).

²¹⁶ Ibid. Fasal 26(1)(5).

²¹⁷ Ibid. Fasal 26(1)(6).

²¹⁸ Ibid. Fasal 26(1)(7).

²¹⁹ Ibid. Fasal 26(1)(8).

²²⁰ Ibid. Fasal 26(1)(9).

Perhubungan PAS Negeri.²²¹ Sementara perlantikan Pesuruhjaya Negeri masih lagi dibuat oleh "Yang Dipertua Agung PAS dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Agung PAS",²²² perlantikan Timbalan-Timbalan Pesuruhjaya Negeri, Setiausaha Perhubungan Negeri dan Bendahari Perhubungan Negeri pula adalah dibuat oleh "Pesuruhjaya Negeri dengan persetujuan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Negeri".²²³ Badan Perhubungan PAS Negeri ini juga dikehendaki menubuhkan sebuah jawatankuasa, yang dinamakan "Jawatankuasa Harian (PAS Negeri)", yang dianggotai oleh Pesuruhjaya Negeri, Timbalan-Timbalan Pesuruhjaya Negeri, Setiausaha Perhubungan Negeri dan Bendahari Perhubungan Negeri, bagi "menjalankan tugas-tugas biasa untuk kelicinan perjalanan badan perhubungan itu".²²⁴ Syarat penubuhan sesebuah cawangan PAS juga telah turut diperkemaskan lagi oleh perlembagaan ini yang kini menghendaki sesebuah cawangan PAS "ditubuhkan hanya sebuah sahaja bagi tiap-tiap satu daerah (bagi Negeri Kelantan 'jajahan') mengikut sempadan kekuasaan Pegawai Daerah (bagi Negeri Kelantan 'Pegawai Jajahan') atau kawasan Pilihan Raya Parlimen"²²⁵ dan yang kini menghendaki penubuhan cawangan PAS ini hanya boleh dibuat oleh "Pesuruhjaya Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Agung PAS"²²⁶ sahaja. Penubuhan ranting-ranting bagi sesebuah cawangan yang boleh dibuat di mana-mana tempat dalam daerah kekuasaan cawangan itu pula kini hanya boleh dibuat oleh "Yang Dipertua cawangan itu dengan persetujuan Pesuruhjaya Negeri"²²⁷ sahaja. Selain daripada itu, turut dipinda oleh

²²¹ Ibid. Fasal 26(1)(10).

²²² Ibid. Fasal 26 (2).

²²³ Ibid. Fasal 26 (3).

²²⁴ Ibid. Fasal 26 (5). Secara praktiknya, Jawatankuasa Harian PAS Negeri ini memang telah sedia ditubuhkan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri-Negeri walaupun sebelum peruntukan mengenainya diadakan, lihat umpamanya Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 3 Oktober 1961.

²²⁵ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 16 (1).

²²⁶ Ibid. Fasal 16 (2).

perlembagaan ini ialah keanggotaan Jawatankuasa Kerja Cawangan PAS di mana nama "Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat"²²⁸ telah diubah menjadi "Pengerusi Jabatan Pemuda dan Pengerusi Jabatan Muslimat"²²⁹ manakala jumlah ahli biasanya yang sebelumnya ialah "beberapa orang lagi yang dipersetujukan oleh majlis mesyuarat agung tahunan cawangan itu"²³⁰ telah diubah menjadi "tidak lebih daripada 18 orang dan tidak kurang daripada 9 orang",²³¹ juga keanggotaan Jawatankuasa Kerja Ranting PAS di mana jumlah ahli biasanya yang sebelumnya ialah "beberapa orang lagi yang dipersetujukan oleh majlis mesyuarat agung tahunan ranting itu"²³² telah turut diubah menjadi "tidak lebih daripada 12 orang dan tidak kurang daripada 6 orang".²³³

Struktur organisasi PAS telah dipinda lagi oleh Perlembagaan PAS 1977 di mana nama "Badan Perhubungan PAS Negeri" telah diubah kepada "Perhubungan PAS Negeri", nama "PAS Cawangan" telah dipinda menjadi "PAS Kawasan" manakala nama "PAS Ranting" pula telah dipinda menjadi "PAS Cawangan". Di peringkat negeri, selain "menjalankan tugas-tugas biasa", "Jawatankuasa Harian (PAS Negeri)", yang keanggotaannya telah ditambah melalui penyertaan Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri ke dalamnya,²³⁴ kini turut dikehendaki untuk "menyelesai perkara-perkara yang perlu disegerakan demi untuk kelancaran dan

²²⁷ Ibid. Fasal 16 (3).

²²⁸ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 20(1) dan Fasal 19(1)(c).

²²⁹ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 19(1)(6).

²³⁰ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 20(1).

²³¹ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 19(1)(7).

²³² Perlembagaan PAS 1963. Fasal 22(1).

²³³ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 21(1)(5).

²³⁴ Ibid. Fasal 34(9).

kelicinan pentadbiran dan perjalanan badan perhubungan itu".²³⁵ Di peringkat kawasan dan cawangan, syarat keahlian yang diperlukan untuk membolehkan penubuhan sesebuah kawasan dan cawangan PAS juga telah turut dipinda daripada "tidak kurang daripada 100 orang"²³⁶ dan "tidak kurang daripada 15 orang"²³⁷ kepada "tidak kurang daripada 200 orang"²³⁸ dan "tidak kurang daripada 25 orang"²³⁹ masing-masingnya. Selain memperuntukkan kewujudan sebuah jawatankuasa harian pada peringkat PAS Kawasan yang keahliannya adalah terdiri daripada Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Ketua Dewan Pemuda, Ketua Dewan Muslimat dan Bendahari PAS Kawasan,²⁴⁰ perlembagaan ini turut mengubah nama dua Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan, iaitu "Pengerusi Jabatan Pemuda dan Pengerusi Jabatan Muslimat",²⁴¹ menjadi "Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat"²⁴² di samping turut menyertakan sama "seorang Ketua Jawatankuasa Pemuda" dan "seorang Ketua Jawatankuasa Muslimat" sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan.²⁴³

Struktur Dewan PAS

Draf asal Perlembagaan PAS 1951 dan Perlembagaan PAS 1951 tidak mempunyai sebarang peruntukan, malah langsung tidak menyebut, tentang struktur

²³⁵ Ibid. Fasal 34(8).

²³⁶ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 15(2); dan Perlembagaan PAS 1973. Fasal 16(1).

²³⁷ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 16(2); Perlembagaan PAS 1963. Fasal 16(2); dan Perlembagaan PAS 1973. Fasal 16(3).

²³⁸ Perlembagaan PAS 1977. Fasal 21(1).

²³⁹ Ibid. Fasal 21(3).

²⁴⁰ Ibid. Fasal 24(11).

²⁴¹ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 19(1)(6).

²⁴² Perlembagaan PAS 1977. Fasal 24(1)(c) dan Fasal 24(3).

Dewan PAS. Ketiga-tiga Dewan PAS ini, iaitu Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat, ketika mula diwujudkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS pada 3 April 1952 hanyalah berupa tiga jawatankuasa kecil yang mempunyai taraf yang sama dengan empat jawatankuasa kecil yang lain.²⁴⁴ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953 walau bagaimanapun telah meluluskan tiga usul yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja PAS untuk dengan secara rasminya "menubuhkan suatu 'Dewan Ulama' yang mempunyai ahli-ahli yang terdiri daripada ulama'-ulama'", "menubuhkan suatu 'Dewan Pemuda' yang mempunyai ahli-ahli yang terdiri daripada pemuda-pemuda" dan "menubuhkan suatu 'Dewan Muslimat' yang terdiri daripada ahli-ahli perempuan".²⁴⁵ Ketiga-tiga dewan PAS ini juga mempunyai peraturannya sendiri--yang perlu disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS--yang dinamakan "Peraturan Dewan Ulama' PAS", "Peraturan Dewan Pemuda PAS" dan "Peraturan Dewan Muslimat PAS" yang menentukan segala tanggungjawab dewan-dewan ini.²⁴⁶

Disebabkan ketiga-tiga dewan PAS ini mempunyai peraturannya sendiri, maka Perlembagaan PAS 1954 sekadar memperuntukkan bahawa tiga daripada Pegawai Pegawai Agung PAS adalah terdiri daripada Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS (Pusat)²⁴⁷ dan bahawa tiga daripada Pegawai Pegawai Cawangan PAS adalah terdiri daripada Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan

²⁴³ Ibid. Fasal 26(1)(e) dan (f).

²⁴⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS pada 3 April 1952. Hlm. 1. Empat jawatankuasa kecil yang lain ini ialah Jabatan Penerangan, Jabatan Kebajikan Am, Jabatan Penyiasat dan Jabatan Derma Pelajaran (Ibid. Hlm. 2).

²⁴⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 12 dan 16.

²⁴⁶ Ibid. Hlm. 12 dan 16.

²⁴⁷ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 17(1)(d), Fasal 17(4), Fasal 17(5) dan Fasal 17(6).

Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS Cawangan.²⁴⁸ Perlembagaan PAS 1954 ini juga turut menyatakan bahawa satu daripada "pekerjaan dan tanggungan Jawatankuasa Kerja Agung PAS" ialah "menubuhkan, mengelola dan menjalankan Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat (PAS Pusat)"²⁴⁹ dan bahawa satu daripada "pekerjaan dan tanggungan Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan" ialah "menubuh dan menjalankan Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat daripada dan bagi cawangannya".²⁵⁰ Peruntukan Perlembagaan PAS 1954 ini--juga kegagalannya untuk menyebut tentang penubuhan Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS di peringkat negeri dan ranting--membayangkan bahawa Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS hanya wujud di peringkat pusat dan cawangan sahaja.

Sementara ia mengekalkan keanggotaan Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS (Pusat) sebagai tiga daripada Pegawai-Pegawai Agung PAS,²⁵¹ Perlembagaan PAS 1963 juga memperuntukkan bahawa hanya Ketua Dewan Pemuda dan Ketua Dewan Muslimat PAS Cawangan dikekalkan sebagai Pegawai-Pegawai PAS Cawangan.²⁵² Selain daripada menyatakan bahawa dua daripada "pekerjaan dan tanggungan Jawatankuasa Kerja Agung PAS" ialah "menubuhkan, mengelola dan menjalankan Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat (PAS Pusat)"²⁵³ dan "mengawasi pekerjaan, perjalanan dan kemajuan Dewan Ulama', Dewan

²⁴⁸ Ibid. Fasal 19(1)(c) dan Fasal 19(3).

²⁴⁹ Ibid. Fasal 18(9)(c).

²⁵⁰ Ibid. Fasal 20(8)(b).

²⁵¹ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 17(1)(d), Fasal 17(3), Fasal 17(4) dan Fasal 17(5).

²⁵² Ibid. Fasal 19(1)(c) dan Fasal 19(3).

²⁵³ Ibid. Fasal 18(9)(d).

Pemuda dan Dewan Muslimat (PAS Pusat)"²⁵⁴ dan bahawa satu daripada "pekerjaan dan tanggungan Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan" ialah "menubuh dan menjalankan Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat daripada dan bagi cawangannya",²⁵⁵ Perlembagaan PAS 1963 ini juga turut menyatakan bahawa tiga daripada "tugas dan tanggungjawab Pesuruhjaya PAS Negeri" ialah "menubuhkan sebuah Dewan Ulama' PAS Negeri serta membantu dan memimpinnya dari semasa ke semasa",²⁵⁶ "mengawasi perjalanan Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS (Negeri)"²⁵⁷ dan "memimpin pergerakan PAS dan dewan-dewannya di dalam sebuah negeri ke arah terlaksananya dasar, tujuan dan usaha-usaha PAS di dalam negeri".²⁵⁸ Peruntukan Perlembagaan PAS 1963 ini--juga kegagalannya untuk menyebut tentang penubuhan Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS di peringkat ranting, juga untuk menyebut tentang penubuhan Dewan Ulama' PAS di peringkat cawangan--membayangkan bahawa Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS wujud di peringkat pusat, negeri dan cawangan sementara Dewan Ulama' PAS hanya wujud di peringkat pusat dan negeri sahaja.

Hanya di dalam Perlembagaan PAS 1973 barulah peruntukan-peruntukan mengenai struktur ketiga-tiga dewan PAS ini mula dinyatakan dengan terperinci²⁵⁹ di mana di peringkat Pusat, ketiga-tiga dewan PAS ini dikehendaki ditubuhkan melalui

²⁵⁴ Ibid. Fasal 18(9)(j).

²⁵⁵ Ibid. Fasal 20(8)(b).

²⁵⁶ Ibid. Fasal 26(5)(b).

²⁵⁷ Ibid. Fasal 26(5)(c).

²⁵⁸ Ibid. Fasal 26(5)(d).

²⁵⁹ Mengikut satu kertas kerja PAS: "Dengan lulusnya pindaan Perlembagaan PAS ini, maka semua undang-undang bagi dewan-dewan (PAS), iaitu Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat, adalah termansuh dengan sendirinya" (Kertas kerja Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertajuk "Kertas Kerja 8/71: Rang Pindaan (Perlembagaan) PAS Untuk Majlis Mesyuarat Agung (Tahunan) PAS (Kali Ke-17 Di Kuala Lumpur Pada 18, 19 Dan 20 Jun 1971" (tidak bertarikh). Hlm. 39).

mesyuarat agung tahunan dewan masing-masing²⁶⁰ yang perlu diadakan sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya dalam bulan April,²⁶¹ di mana mesyuarat agung tahunan ini dikehendaki memilih Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari dan tidak lebih daripada 9 orang Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama', Dewan Pemuda atau Dewan Muslimat PAS Pusat pada tiap-tiap dua tahun sekali.²⁶² Di peringkat negeri pula, ketiga-tiga dewan PAS ini dikehendaki ditubuhkan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri²⁶³ di mana sementara anggota-anggota Dewan Ulama' PAS Negeri adalah terdiri daripada "tuan-tuan guru dan/atau siswazah-siswazah dari mana-mana fakulti Islam yang telah menjadi ahli PAS",²⁶⁴ anggota-anggota Dewan Pemuda PAS yang terdiri daripada "kalangan pemuda-pemuda ahli PAS yang berumur tidak lebih daripada 40 tahun"²⁶⁵ dan anggota-anggota Dewan Muslimat PAS yang terdiri daripada "kalangan wanita-wanita ahli PAS"²⁶⁶ adalah dihadkan kepada Pengerusi-Pengerusi Jabatan Pemuda atau Jabatan Muslimat dari cawangan dan 4 orang pemuda atau muslimat yang dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cawangan untuk mewakili cawangan masing-masing.²⁶⁷ Ketiga-tiga dewan PAS ini dikehendaki bersidang sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Ulama', Dewan Pemuda atau Dewan Muslimat PAS Pusat²⁶⁸ di mana sidang ini dikehendaki memilih Ketua, Naib

²⁶⁰ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 28(1)(1), Fasal 28(2)(1) dan Fasal 28(3)(1). Mesyuarat Agung Tahunan ini dikenali dengan nama Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat, Kongres Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat dan Kongres Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat.

²⁶¹ Ibid. Fasal 28(1)(2)(a), Fasal 28(2)(2)(a) dan Fasal 28(3)(2)(a).

²⁶² Ibid. Fasal 28(1)(3) dan (4), Fasal 28(2)(3) dan (4) dan Fasal 28(3)(3) dan (4).

²⁶³ Ibid. Fasal 28(4)(1), Fasal 28(5)(1) dan Fasal 28(6)(1).

²⁶⁴ Ibid. Fasal 28(4)(1).

²⁶⁵ Ibid. Fasal 28(5)(1).

²⁶⁶ Ibid. Fasal 28(6)(1).

²⁶⁷ Ibid. Fasal 28(5)(1) dan Fasal 28(6)(1).

Ketua, Setiausaha, Bendahari dan tidak lebih daripada 8 orang Ahli Jawatankuasa Kerjanya pada tiap-tiap dua tahun sekali²⁶⁹ manakala tidak lebih daripada 4 orang Ahli Jawatankuasa Kerjanya yang lain dikehendaki dilantik oleh ketua dewan itu di dalam mesyuarat jawatankuasa kerja dewan masing-masing.²⁷⁰ Pada peringkat cawangan pula, dua jawatan baru yang dinamakan Pengerusi Jabatan Pemuda dan Pengerusi Jabatan Muslimat PAS Cawangan telah diwujudkan untuk diisi oleh dua ahli PAS yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Cawangan pada tiap-tiap dua tahun sekali.²⁷¹

Perlembagaan PAS 1977 turut memperuntukkan bahawa ketiga-tiga dewan PAS ini dikehendaki ditubuhkan melalui muktamar tahunan dewan masing-masing²⁷² yang perlu diadakan sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya dalam bulan April,²⁷³ di mana muktamar tahunan ini akan memilih Ketua, Naib Ketua dan tidak lebih daripada 10 Ahli Jawatankuasa Kerjanya pada tiap-tiap dua tahun sekali²⁷⁴ manakala Setiausaha, Bendahari dan tidak lebih daripada 5 Ahli Jawatankuasa Kerjanya yang lain adalah dilantik oleh ketua dewan itu di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat jawatankuasa kerja dewan masing-masing.²⁷⁵ Di peringkat negeri pula, ketiga-tiga dewan PAS ini dikehendaki ditubuhkan oleh Perhubungan PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan²⁷⁶ di mana anggota-anggota Dewan Ulama' PAS Negeri adalah terdiri daripada "tuan-tuan

²⁶⁸ Ibid. Fasal 28(4)(2), Fasal 28(5)(2) dan Fasal 28(6)(2).

²⁶⁹ Ibid. Fasal 28(4)(3)(a), (b), (c), (d) dan (e), Fasal 28(5)(3)(a), (b), (c), (d) dan (e) dan Fasal 28(6)(3)(a), (b), (c), (d) dan (e).

²⁷⁰ Ibid. Fasal 28(4)(3)(e), Fasal 28(5)(3)(e) dan Fasal 28(6)(3)(e).

²⁷¹ Ibid. Fasal 19(1)(6) dan Fasal 19(2).

²⁷² Perlembagaan PAS 1977. Fasal 37(1), Fasal 44(1) dan Fasal 56(1).

²⁷³ Ibid. Fasal 38(1), Fasal 45(1) dan Fasal 57(1).

²⁷⁴ Ibid. Fasal 39(2), Fasal 46(2) dan Fasal 58(2).

²⁷⁵ Ibid. Fasal 39(3), Fasal 46(3) dan Fasal 58(3).

guru dan/atau siswazah-siswazah dari mana-mana institusi pengajian tinggi Islam yang telah menjadi ahli PAS",²⁷⁷ anggota-anggota Dewan Pemuda PAS adalah terdiri daripada "pemuda-pemuda ahli PAS yang berumur 40 tahun ke bawah"²⁷⁸ manakala anggota-anggota Dewan Muslimat PAS pula adalah terdiri daripada "muslimat-muslimat yang telah menjadi ahli PAS".²⁷⁹ Ketiga-tiga dewan PAS ini dikehendaki mengadakan muktamar tahunannya sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Muktamar Tahunan Dewan Ulama', Dewan Pemuda atau Dewan Muslimat PAS Pusat²⁸⁰ di mana muktamar tahunan ini dikehendaki memilih Ketua, Naib Ketua dan tidak lebih daripada 8 orang Ahli Jawatankuasa Kerjanya pada tiap-tiap dua tahun sekali²⁸¹ manakala Setiausaha, Bendahari dan tidak lebih daripada 4 orang Ahli Jawatankuasa Kerjanya yang lain dikehendaki dilantik oleh ketua dewan itu di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat jawatankuasa kerja dewan masing-masing.²⁸² Di peringkat kawasan pula, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS Kawasan kini dibolehkan ditubuhkan oleh Dewan Pemuda atau Dewan Muslimat PAS Negeri dengan kerjasama Perhubungan PAS Negeri dan Dewan Pemuda atau Dewan Muslimat PAS Pusat apabila ia telah memiliki 50 orang pemuda atau 50 orang muslimat ahli PAS.²⁸³ Kedua-dua dewan ini dikehendaki mengadakan mesyuarat agung tahunannya sekali dalam setahun sebelum daripada berlangsungnya Mesyuarat Agung PAS Kawasan dan Muktamar Dewan Pemuda atau

²⁷⁶ Ibid. Fasal 41(1), Fasal 48(1) dan Fasal 60(1).

²⁷⁷ Ibid. Fasal 37(3).

²⁷⁸ Ibid. Fasal 44(3).

²⁷⁹ Ibid. Fasal 56(3).

²⁸⁰ Ibid. Fasal 42(1), Fasal 49(1) dan Fasal 61(1).

²⁸¹ Ibid. Fasal 43(2), Fasal 50(2) dan Fasal 62(2).

²⁸² Ibid. Fasal 43(3), Fasal 50(3) dan Fasal 62(3).

²⁸³ Ibid. Fasal 52(1) dan Fasal 64(1).

Dewan Muslimat PAS Negeri²⁸⁴ di mana mesyuarat agung tahunan ini dikehendaki memilih Ketua, Naib Ketua dan 6 orang Ahli Jawatankuasa Kerjanya pada tiap-tiap dua tahun sekali²⁸⁵ manakala Setiausaha, Bendahari dan 3 orang Ahli Jawatankuasa Kerjanya yang lain dikehendaki dilantik oleh ketua dewan itu di dalam dan dengan persetujuan mesyuarat jawatankuasa kerja dewan masing-masing.²⁸⁶ Di peringkat cawangan pula, Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan dikehendaki membentuk dan menubuhkan Jawatankuasa Dewan Pemuda dan Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Cawangan yang terdiri daripada Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari dan tidak lebih daripada 6 orang Ahli Jawatankuasa²⁸⁷ yang, kecuali ketua-ketua jawatankuasa dewan-dewan itu yang dikehendaki dipilih di dalam Mesyuarat Agung PAS Cawangan pada tiap-tiap dua tahun sekali, dikehendaki dilantik di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan yang pertama selepas tiap-tiap Mesyuarat Agung PAS Cawangan.²⁸⁸

Struktur Mesyuarat Agung PAS

Dari segi struktur Mesyuarat Agung PAS, sementara Perlembagaan PAS 1951 mengekalkan peruntukan draf asal Perlembagaan PAS 1951 yang menyatakan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan PAS hendaklah diadakan pada bulan Ogos tiap-tiap tahun di mana ahli-ahli bagi mesyuarat ini adalah terdiri daripada Pegawai-Pegawai PAS serta setiausaha dan wakil cawangannya,²⁸⁹ ia tidak pula menerima pakai peruntukan draf asal

²⁸⁴ Ibid. Fasal 53(1) dan Fasal 65(1).

²⁸⁵ Ibid. Fasal 54(2) dan Fasal 66(2).

²⁸⁶ Ibid. Fasal 54(3) dan Fasal 66(3).

²⁸⁷ Ibid. Fasal 27(1).

²⁸⁸ Ibid. Fasal 27(2).

Perlembagaan PAS 1951 yang menyatakan bahawa "ulama'-ulama' yang dijemput ke dalam mesyuarat ini daripada ahli-ahli (PAS)" turut menjadi ahli bagi mesyuarat ini.²⁹⁰

Perlembagaan PAS 1954 telah seterusnya mengubah suai peruntukan ini dengan menyatakan bahawa Majlis Mesyuarat Agung Tahunan PAS hendaklah diadakan sekali pada setahun, seboleh-bolehnya pada bulan Ogos,²⁹¹ di mana Majlis Mesyuarat Agung PAS ini adalah mengandungi Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS,²⁹² Pegawai-Pegawai Perhubungan PAS,²⁹³ Yang Dipertua-Yang Dipertua Cawangan PAS,²⁹⁴ wakil-wakil Cawangan PAS,²⁹⁵ 2 orang wakil Dewan Ulama' PAS,²⁹⁶ 2 orang wakil Dewan Pemuda PAS,²⁹⁷ 2 orang wakil Dewan Muslimat PAS,²⁹⁸ seorang wakil sesebuah ahli gabungan PAS²⁹⁹ dan ahli-ahli ulama' yang telah menjadi ahli biasa PAS.³⁰⁰ Jumlah wakil sesebuah Cawangan PAS yang dibenarkan menghadiri Majlis Mesyuarat Agung Tahunan PAS adalah ditentukan mengikut jumlah "ahli-ahli yang telah menjelaskan yurannya bagi tahun yang ada itu", di mana cawangan yang mempunyai 50 orang ahli

²⁸⁹ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 8(2)(i)(1) dan (2); dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 10(2)(a) dan (b).

²⁹⁰ Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 8(2)(i)(3).

²⁹¹ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 4(2)(a).

²⁹² Ibid. Fasal 4(3)(a).

²⁹³ Ibid. Fasal 4(3)(b).

²⁹⁴ Ibid. Fasal 4(3)(c).

²⁹⁵ Ibid. Fasal 4(3)(d).

²⁹⁶ Ibid. Fasal 4(3)(e) dan Fasal 5(7).

²⁹⁷ Ibid. Fasal 4(3)(f) dan Fasal 5(8).

²⁹⁸ Ibid. Fasal 4(3)(g) dan Fasal 5(9).

²⁹⁹ Ibid. Fasal 4(3)(h) dan Fasal 5(6).

³⁰⁰ Ibid. Fasal 4(3)(i).

dan tidak lebih daripada 300 orang ahli dibenarkan menghantar seorang wakil,³⁰¹ cawangan yang mempunyai 301 orang ahli dan tidak lebih daripada 600 orang ahli dibenarkan menghantar 2 orang wakil,³⁰² cawangan yang mempunyai 601 orang ahli dan tidak lebih daripada 1,000 orang ahli dibenarkan menghantar 3 orang wakil³⁰³ manakala setiap Cawangan PAS yang mempunyai ahli yang melebihi 1,000 orang adalah dibenarkan menghantar tambahan seorang wakil bagi setiap tambahan 500 orang ahli.³⁰⁴ Ahli-ahli ulama' yang dibenarkan menghadiri Majlis Mesyuarat Agung Tahunan PAS pula adalah terdiri daripada ahli-ahli ulama' yang menjadi ketua pentadbiran sesebuah jabatan agama yang termasuk dalam lingkungan Persekutuan Tanah Melayu,³⁰⁵ ahli-ahli ulama' yang menjadi ahli majlis agama dan adat istiadat dalam sesebuah negeri Melayu³⁰⁶ atau ahli-ahli ulama' yang menjadi ahli majlis penasihat Islam di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.³⁰⁷ Perlembagaan PAS 1954 juga turut memperuntukkan bahawa sesebuah cawangan dikehendaki mengadakan mesyuarat agung tahunannya sekali dalam setahun, seboleh-bolehnya pada bulan Jun,³⁰⁸ dengan keahlian majlis mesyuarat agung tahunan cawangan-cawangan yang mempunyai ranting adalah terdiri daripada jawatankuasa kerja cawangan itu,³⁰⁹ ketua-ketua ranting dalam cawangannya³¹⁰ dan wakil-wakil daripada ranting sebanyak mana yang ditetapkan oleh jawatankuasa

³⁰¹ Ibid. Fasal 5(5)(a).

³⁰² Ibid. Fasal 5(5)(b).

³⁰³ Ibid. Fasal 5(5)(c).

³⁰⁴ Ibid. Fasal 5(5).

³⁰⁵ Ibid. Fasal 5(10)(a).

³⁰⁶ Ibid. Fasal 5(10)(b).

³⁰⁷ Ibid. Fasal 5(10)(c).

³⁰⁸ Ibid. Fasal 6(2)(a).

³⁰⁹ Ibid. Fasal 6(3)(a)(1).

kerja cawangan itu³¹¹ manakala keahlian majlis mesyuarat agung tahunan cawangan-cawangan yang tidak mempunyai ranting adalah terdiri daripada jawatankuasa kerja³¹² dan ahli-ahli yang ada dalam cawangan itu.³¹³ Sesebuah ranting juga dibolehkan mengadakan mesyuarat agung tahunannya sekali dalam setahun,³¹⁴ dengan keahliannya adalah terdiri daripada jawatankuasa kerja³¹⁵ dan ahli-ahli yang ada dalam ranting itu.³¹⁶

Seterusnya, Perlembagaan PAS 1963 telah sekali lagi mengubah suai peruntukan ini dengan menyatakan bahawa Majlis Mesyuarat Agung Tahunan PAS hendaklah diadakan sekali pada setahun, seboleh-bolehnya pada bulan April,³¹⁷ di mana Majlis Mesyuarat Agung PAS ini adalah mengandungi Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS,³¹⁸ Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri,³¹⁹ 2 orang wakil Cawangan PAS yang telah menunaikan yuran tahunannya bagi tahun itu kepada Pejabat Agung,³²⁰ Yang Dipertua-Yang Dipertua Cawangan PAS,³²¹ 5 orang wakil Dewan Ulama' PAS,³²² 5 orang wakil Dewan Pemuda PAS,³²³ 5 orang wakil Dewan Muslimat PAS³²⁴ dan 2 orang

³¹⁰ Ibid. Fasal 6(3)(a)(2).

³¹¹ Ibid. Fasal 6(3)(a)(3).

³¹² Ibid. Fasal 6(3)(b)(1).

³¹³ Ibid. Fasal 6(3)(b)(2).

³¹⁴ Ibid. Fasal 7(1).

³¹⁵ Ibid. Fasal 7(3)(a).

³¹⁶ Ibid. Fasal 7(3)(b).

³¹⁷ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 4(2)(a).

³¹⁸ Ibid. Fasal 4(3)(a).

³¹⁹ Ibid. Fasal 4(3)(b).

³²⁰ Ibid. Fasal 4(3)(c).

³²¹ Ibid. Fasal 4(3)(d).

³²² Ibid. Fasal 4(3)(e) dan Fasal 5(6).

wakil sesebuah ahli gabungan PAS.³²⁵ Peruntukan mengenai kelangsungan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Ranting yang terdapat di dalam Perlembagaan PAS 1954 adalah dikekalkan dengan sepenuhnya oleh Perlembagaan PAS 1963, terkecuali peruntukan yang menyebut bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah diadakan seboleh-bolehnya pada bulan Jun³²⁶ yang digantikan dengan satu peruntukan lain yang menyebut bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah diadakan seboleh-bolehnya pada bulan Februari.³²⁷

Peruntukan mengenai kelangsungan Mesyuarat Agung Tahunan PAS, Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Ranting yang terdapat di dalam Perlembagaan PAS 1963 adalah dikekalkan dengan sepenuhnya oleh Perlembagaan PAS 1973, tetapi dengan menambah jumlah wakil-wakil Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS yang dibenarkan menghadiri Majlis Mesyuarat Agung Tahunan PAS daripada 5 kepada 10 orang bagi setiap dewan³²⁸ serta dengan menghapuskan terus kehadiran wakil ahli-ahli gabungan PAS di dalamnya.

Perlembagaan PAS 1963, dengan dua pengubahsuaian yang telah dibuat oleh Perlembagaan PAS 1973, telah dikekalkan dengan sepenuhnya oleh Perlembagaan PAS 1977, tetapi dengan mengubah nama "Mesyuarat Agung Tahunan PAS" kepada "Muktamar Tahunan PAS", dengan mengubah nama "Mesyuarat Agung PAS Cawangan" kepada "Mesyuarat Agung PAS Kawasan" dan dengan mengubah nama

³²³ Ibid. Fasal 4(3)(f) dan Fasal 5(7).

³²⁴ Ibid. Fasal 4(3)(g) dan Fasal 5(8).

³²⁵ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 5(5).

³²⁶ Perlembagaan PAS 1954. Fasal 6(2)(a).

³²⁷ Perlembagaan PAS 1963. Fasal 6(2)(a).

"Mesyuarat Agung PAS Ranting" kepada "Mesyuarat Agung PAS Cawangan". Turut dipinda ialah keahlian Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Kawasan--yang kini tidak lagi dibezakan di antara kawasan yang mempunyai cawangan dan kawasan yang tidak mempunyai cawangan--yang kini mengandungi Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan itu,³²⁹ Ketua-Ketua PAS Cawangan dalam kawasan itu,³³⁰ wakil-wakil daripada cawangan sebanyak mana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Kawasan itu,³³¹ 10 orang wakil Dewan Pemuda dan 10 orang wakil Dewan Muslimat PAS Kawasan, termasuk Ketua dan Setiausaha Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat Kawasan itu.³³² Turut diperuntukkan adalah "tugas dan pekerjaan Muktamar dan Mesyuarat-Mesyuarat Agung PAS", iaitu untuk "mengesahkan peringatan Muktamar atau Mesyuarat Agung yang lalu";³³³ "membentang dan menerima penyata-penyata dan laporan-laporan kewangan dan perjalanan tahunan PAS";³³⁴ "memilih Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan PAS";³³⁵ "memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan dua orang Pemeriksa Kira-Kira mengikut Perlembagaan";³³⁶ "membahas ucapan dasar (di peringkat kebangsaan)";³³⁷ "membahas

³²⁸ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 4(2) (5), (6) dan (7).

³²⁹ Perlembagaan PAS 1977. Fasal 18(3)(a).

³³⁰ Ibid. Fasal 18(3)(b).

³³¹ Ibid. Fasal 18(3)(c).

³³² Ibid. Fasal 18(3)(d).

³³³ Ibid. Fasal 20(1).

³³⁴ Ibid. Fasal 20(2).

³³⁵ Ibid. Fasal 20(3).

³³⁶ Ibid. Fasal 20(4).

³³⁷ Ibid. Fasal 20(5).

usul-usul dan resolusi-resolusi";³³⁸ "membuat ucapan-ucapan penangguhan"³³⁹ dan "lain-lain perkara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja masing-masing".³⁴⁰

³³⁸ Ibid. Fasal 20(6).

³³⁹ Ibid. Fasal 20(7).

³⁴⁰ Ibid. Fasal 20(8).